A

Mohd Zaid bin Johan lwn CTOS Sdn Bhd

B

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S3–22–935 TAHUN 2006
VT SINGHAM H
18 OGOS 2011

C

Prosedur Sivil — Res judicata — Isu-isu yang sama dalam permohonan terdahulu dibangkitkan — Dua guaman difailkan berasingan oleh plaintiff di mahkamah berasingan — Sama ada relief guaman sivil kedua wajar disatukan dengan relief permohonan guaman sivil pertama — Sama ada intipati kedua-dua guaman sivil berasal dari punca yang sama

D

Prosedur Sivil — Res judicata — Penyalahgunaan proses mahkamah — Pemfailan semula guaman — Sama ada asas perkara dalam guaman sivil pertama dan kedua adalah sama — Sama ada mahkamah perlu dimaklumkan persamaan perkara dalam kedua-dua guaman

E

Melalui penghakiman terhadap plaintif, notis kebankrapan bertarikh 10 September 2003 ('notis kebankrapan') dikeluarkan oleh AmBank Bhd berdasarkan penghakiman memihak AmBank Bhd di Mahkamah Sesyen Melaka. Bagaimanapun Mahkamah Tinggi Melaka mengenepikan keputusan

F

tersebut atas rayuan plaintif. Seterusnya, melalui akujanji antara AmBank dan defendan, pangkalan data defendan dikemaskini, maklumat pengenepian notis kebankrapan tersebut sepatutnya dimaklumkan kepada defendan agar butir-butir notis kebankrapan terhadap plaintif dipadamkan daripada pangkalan data defendan. Tetapi AmBank Bhd melalui Tetuan Abdul Aziz

G

Rahim & Co dengan cuai mengeluarkan notis kebankrapan tersebut terhadap plaintif dan mengiklankannya di akhbar *Berita Harian*. Pada 11 Ogos 2005 plaintif memfailkan guaman sivil pertama terhadap AmBank dan Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co atas kecuaian tersebut dan menyatakan bahawa beliau mengalami kerugian dan kesusahan disebabkan oleh kecuaian tersebut.

H

Seterusnya apabila guaman sivil kedua bertarikh 14 September 2006, difailkan pada 14 September 2011 oleh plaintif terhadap defendan, guaman sivil pertama yang difailkan oleh plaintif pada 11 Ogos 2005 terhadap AmBank Bhd dan Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co masih wujud. Plaintif tidak membatalkan tindakan guaman sivil kedua dan tidak memaklumkan

I

mahkamah sebelum permulaan perbicaraan guaman sivil kedua mengenai guaman sivil pertama. Maklumat dan keterangan terhadap guaman sivil pertama hanya dibangkitkan melalui pemeriksaan balas plaintif oleh peguam defendan dalam guaman sivil kedua. Plaintif memplidkan bahawa kecuaian defendan menyimpan maklumat mengenai butir-butir notis kebankrapan

plaintif dan memberi maklumat tersebut kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan adalah tidak sah justeru menjurus kepada pencerobohan privasi ke atas plaintif yang menjalankan perniagaan tanpa lesen seperti dikehendaki di bawah Akta Agensi Persendirian 1971. Plaintif juga menyatakan bahawa kegagalan beliau mendapat kemudahan-kemudahan kewangan daripada Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank adalah akibat kecuaian defendan. Tetapi defendan, antara lain, menyatakan bahawa: (i) pangkalan data defendan diperolehi daripada sumber awam dan untuk rujukan pelanggan-pelanggan defendan sahaja; (ii) defendan tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya institusi kewangan menggunakan pangkalan data defendan untuk menyenarai hitam plaintif; dan (iii) plaintif tidak mengalami sebarang kerugian.

Diputuskan, menolak permohonan dengan kos:

(1) Tidak ada keterangan bahawa maklumat yang didapati oleh Bank Islam atau Bank Rakyat atau Maybank daripada pangkalan data defendan disimpan oleh defendan dengan niat jahat atau direka oleh defendan untuk membawa aib atau kesusahan kepada plaintif. Akta Agensi Persendirian 1971 tidak ada kena mengena terhadap jenis perniagaan yang dijalankan oleh defendan yang berikat dan menurut 'Memorandum and Articles of Association' dan sijil syarikat defendan (lihat perenggan 13(12)(b) & 13(12)(e)).

(2) Doktrin res judicata atau estoppel terpakai terhadap plaintif apabila beliau memfailkan dua tindakan berasingan dengan menuntut dua kali ganda melalui dua tindakan berasingan di mana telah didaftarkan di dua mahkamah berlainan. Plaintif tidak boleh menafikan bahawa asas perkara dalam guaman sivil pertama dan kedua adalah pemfailan notis kebankrapan dan iklan oleh oleh AmBank Bhd di *Berita Harian* secara salah dan tidak sah. Akibat tindakan tersebut plaintif telah pun diawardkan ganti rugi dalam guaman sivil pertama (lihat perenggan 13(14) & 13(17)).

(3) Defendan tidak bertanggungjawab untuk menyiasat atau membuat inkuiri dan memastikan bahawa maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd kepada defendan dan kemasukan dalam pangkalan data defendan terhadap notis kebankrapan tersebut adalah benar (lihat perenggan 13(19)).

(4) Tidak ada keterangan bahawa institusi-institusi kewangan akan bergantung sepenuhnya di atas maklumat-maklumat yang didapati daripada pangkalan data defendan untuk memutuskan sebarang permohonan untuk kemudahan atau kredit kewangan daripada pelanggan-pelanggan institusi-institusi kewangan. Hanya sangkaan bahawa bank-bank mungkin bergantung di atas maklumat-maklumat yang didapati daripada pangkalan data defendan tidak mengenakan

sebarang tanggungjawab terhadap defendan atau tugas tanggungjawab kepada bank-bank atau plaintif (lihat perenggan 13(20)).

(5) Tidak ada halangan dari segi undang-undang untuk defendan menyimpan data maklumat plaintif terhadap butir-butir notis kebankrapan yang telah diiklankan di surat khabar *Berita Harian*. Pengiklanan terhadap notis kebankrapan tersebut adalah dalam pengetahuan orang awam. Plaintif gagal menunjukkan bahawa defendan telah berkongsi maklumat terhadap notis kebankrapan yang didapati daripada pengiklanan di surat khabar. Hanya pelanggan-pelanggan defendan sahaja yang mendapat kebenaran untuk mengeluarkan maklumat-maklumat yang disimpan dalam pengkalan data defendan yang terdiri daripada butir-butir notis kebankrapan yang diiklankan di surat khabar. Tindakan defendan seperti yang diadukan oleh plaintif bukanlah satu tindakan yang tidak sah di sisi undang-undang (lihat perenggan 13(36)(a)–13(36)(b)).

[English summary

By a judgment against the plaintiff, a bankruptcy notice dated 10 September 2003 ('the bankruptcy notice') issued by AmBank Bhd based on a judgment in favour of AmBank Bhd in Malacca Sessions Court. However, the Malacca Court of Appeal set aside the decision on the plaintiff's appeal. Further, upon an undertaking between AmBank and the defendant, the defendant's database updated, the information as to the setting aside of the bankruptcy notice should have been notified to the defendant so that the details of the bankruptcy notice against the plaintiff were deleted from the defendant's database. However, AmBank Bhd via Messrs Abdul Aziz Rahim & Co negligently issued the bankruptcy notice against the plaintiff and advertised it in the *Berita Harian* newspaper. On 11 August 2005 the plaintiff filed the first civil suit against AmBank and Messrs Abdul Aziz Rahim & Co on the negligence and said that he suffered losses and difficulties by the negligence. Further, when the second civil suit dated 14 September 2006 was filed on 14 September 2011 by the plaintiff against the defendant, the first civil suit filed by the plaintiff on 11 August 2005 against AmBank Bhd and Messrs Abdul Aziz Rahim & Co was still subsisting. The plaintiff did not cancel the second civil suit action and did not inform the court before the commencement of the hearing of the second civil suit about the first civil suit. The information and evidence of the first civil suit was only raised by the plaintiff's cross-examination by the defendant's counsel in the second civil suit. The plaintiff pleaded that the defendant's negligence in storing the information as to the details of the plaintiff's bankruptcy notice and giving the information to the banks and the financial companies were illegal and thus pointed to infringement of privacy of the plaintiff who was running a business without the licence as required under the Private Agency Act 1971. The plaintiff also stated that his failure to obtain financial facilities from the Bank Islam, Bank Rakyat and Maybank was as a

result of the defendant's negligence. However, the defendant, inter alia, stated that: (i) the defendant's database was obtained from the public source and for the reference of only the defendant's clients; (ii) the defendant could not be held liable if the financial institutions used the defendant's database to blacklist the plaintiff; and (iii) the plaintiff did not suffer any losses.

Held, dismissing the application with kos:

(1) There was no evidence that the information obtained by Bank Islam or Bank Rakyat or Maybank was from the defendant's database stored by the defendant with ill intention or created by the defendant to humiliate or cause difficulties to the plaintiff. The Private Agency Act 1971 had nothing to do with the type of business conducted by the defendant which is binding and in accordance to the Memorandum and Articles of Association and the defendant's certificate of company (see paras 13(12)(b) & 13(12)(e)).

(2) The doctrine of res judicata or estoppel was applicable against the plaintiff when he filed two separate actions claiming twice the amount by the two separate actions which were filed in two different courts. The plaintiff could not deny that the basis of the first and second civil suits were the filing of the bankruptcy notice and the advertisement by AmBank Bhd via its solicitors in the *Berita Harian* newspaper wrongfully and against the law. As a result of the action, the plaintiff had already been awarded damages in the first civil suit (see 13(14) & 13(17)).

(3) The defendant was not responsible to investigate or make enquiries and ensure that the information provided by AmBank Bhd to the defendant and its insertion in the defendant's database of the bankruptcy notice was true (see para 13(19)).

(4) There was no evidence that the financial institutions would rely solely on the information obtained from the defendant's database to decide on any application for financial facility or credit from the clients of the financial institutions. Mere presumption that the banks may rely on the information obtained from the defendant's database did not impose any liability against the defendant or the responsibility to the banks or the plaintiff (see para 13(20)).

(5) There was no impediment in law for the defendant to store the plaintiff's information with regards to the bankruptcy notice which was advertised in the *Berita Harian* newspaper. The advertisement of the bankruptcy notice was in the public knowledge. The plaintiff failed to show that the defendant shared the information of the bankruptcy notice obtained from the newspaper advertisement. Only the defendant's clients have the permission to release the information which was stored in the defendant's database which contained details of bankruptcy notice advertised in

A newspapers. The defendant's action as complained by the plaintiff was unlawful action (see paras 13(36)(a)–13(36)(b)).]

Nota-nota

B Bagi kes mengenai isu-isu yang sama dalam permohonan terdahulu dibangkitkan, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 6800.

Bagi kes-kes mengenai penyalahgunaan proses mahkamah, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 6677–6680.

C **Kes-kes yang dirujuk**

Arumugam Periasamy v PP [2005] 3 CLJ 685, MR (dirujuk)

Attorney General v Guardian Newspapers Ltd and others (No 2) [1988] 3 All ER 545, HL (dirujuk)

Balfour v Attorney General [1991] NZLR 519 (dirujuk)

D *Bekalan Sains P&C Sdn Bhd v Bank Bumiputra Malaysia Bhd* [2011] 5 MLJ 1; [2011] 4 AMR 101, MR (dirujuk)

Bell-Booth Group Ltd v Attorney General [1989] NZLR 148 (dirujuk)

Board of Trustees of the Sabah Foundation & Anor, The v Zara Sdn Bhd [2010] 7 MLJ 653, MT (dirujuk)

E *Bottomley v FW Woolworth & Co Ltd* (1932) 48 TLR 521 (dirujuk)

Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd [1995] 3 MLJ 331; [1995] 4 CLJ 283, MP (dirujuk)

CTB v News Group Newspapers Limited & Imogen Thomas (2011) EWHC1232 (QB) (dirujuk)

F *Campbell v MGN Ltd* [2004] 2 All ER 995, HL (dirujuk)

Canada Sugar Refining Company, Limited v Queen, The [1898] AC 735, PC (dirujuk)

Caparo Industries plc v Dickman and others [1990] 1 All ER 568, HL (dirujuk)

G *Caswell v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd* [1940] AC 152, HL (dirujuk)

Chemfert Sdn Bhd & Anor v Lim Hua [2010] 5 MLJ 228; [2010] 7 CLJ 491, MP (dirujuk)

Chor Phaik Har v Farlim Properties Sdn Bhd [1994] 3 MLJ 345; [1994] 4 CLJ 285, MP (dirujuk)

H *Coco v AN Clark (Engineers) Ltd* [1968] FSR 415, MT (dirujuk)

Conquer v Boot [1928] 2 KB 336 (dirujuk)

Cubby Inc v CompuServe Inc (1991) 776 F Supp 135 (dirujuk)

Cutler v Wandsworth Stadium Ltd [1949] AC 398, HL (dirujuk)

Daya Bersama Sdn Bhd v Suruhanjaya Syarikat Malaysia & Ors [2008] 7 MLJ

I 228, MT (dirujuk)

Dr Bernadine Malini Martin v MPH Magazine Sdn Bhd & Ors and another appeal [2010] 5 MLJ 755; [2010] 7 CLJ 525, MR (dirujuk)

DYTM Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah v Dikim Holdings Sdn Bhd & Anor [2002] 2 MLJ 11; [2002] 2 CLJ 57, MP (dirujuk)

Galoo Ltd (in liquidation) v Bright Grahame Murray (a firm) [1994] 1 WLR 1360, MR (dirujuk)
Goh Joon v Kerajaan Negeri Johor & Ors [1998] 7 MLJ 621; [1999] 5 CLJ 335, MT (dirujuk)
H Rubber Estates Bhd v Director-General of Inland Revenue [1979] 1 MLJ 115, MP; [1986] MTC 36 (dirujuk)
Hamdan bin Abdul Hamid @ Hamid bin Abdul Rahman v Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri [2010] 4 MLJ 556, MT (dirujuk)
Hedley Byrne & Co Ltd v Heller & Partners Ltd [1963] 2 All ER 575, HL (dirujuk)
Hj Salleh Hj Janan v Financial Information Services Sdn Bhd; Affin-ACF Finance Bhd (Third Party) [2005] 1 CLJ 241, MT (dirujuk)
Jasa Keramat Sdn Bhd & Anor v Monatech (M) Sdn Bhd [1999] 4 MLJ 637, MR (dirujuk)
Jones v Great Western Railway Company (1930) 144 LT 194, HL (dirujuk)
Kapfunde v Abbey National Plc and Daniel [1999] ICR 1, MR (dirujuk)
Kapt (B) Hj Mohamad bin Ismail v Perwira Affin Bank Bhd [2001] 5 MLJ 101; [2001] 5 CLJ 184, MT (dirujuk)
Kaye v Robertson & Another [1991] FSR 62, MR (dirujuk)
Kho Poh Teck v Digi Telecomunications Sdn Bhd [2006] 6 MLJ 349; [2006] 2 CLJ 957, MT (dirujuk)
Koh Siew Hoon v Bumiputera Commerce Bank Bhd [2010] MLJU 601; [2010] 1 LNS 613, MT (dirujuk)
Kuala Lumpur, Klang & Port Swettenham Omnibus Co Bhd v Transport Workers' Union [1971] 1 MLJ 102, MP (dirujuk)
Lee Ewe Poh v Dr Lim Teik Man & Ors [2011] 1 MLJ 835; [2010] 1 LNS 1162, MT (dirujuk)
Lew Cher Phow @ Lew Cha Paw & Ors v Pua Yong Yong Anor Pua Keng Siang [2009] MLJU 1331; [2009] 1 LNS 1256, MT (dirujuk)
Lochgelly Iron and Coal Co Ltd v M'Mulan [1934] AC 1, HL (dirujuk)
Maharashtra State Board of Secondary & Higher Secondary Education v Gandhi & Ors [1991] 2 SCC 716, MA (dirujuk)
Majlis Agama Islam Pulau Pinang & Seberang Perai v Katijah Yoan & Ors [2010] 4 CLJ 592, MT (dirujuk)
Malayan Banking Bhd v PK Rajamani & Anor [2004] 3 MLJ 28; [2004] 3 CLJ 79, MP (dirujuk)
Malayan United Finance Bhd v Noormurni Sdn Bhd & Anor [1988] 1 MLJ 395; [1988] 1 CLJ (Rep) 190, MA (dirujuk)
Malone v Metropolitan Police Commissioner [1979] 1 CH 344 (dirujuk)
Maslinda bt Ishak v Mohd Tahir bin Osman & Ors [2009] 6 MLJ 826; [2009] 6 CLJ 653, MR (dirujuk)
Mensa Mercantile (Far East) Pte Ltd v Eikobina (M) Sdn Bhd & Ors [1991] 2 MLJ 258; [1991] 3 CLJ (Rep) 287, MT (dirujuk)
Morgan Crucible Co Plc v Hill Samuel & Co Ltd and others [1991] Ch 295, MR (dirujuk)

A *Mr X v Hospital Z* [1998] 8 SCC 196, MA (dirujuk)
National Union of Plantation Workers, The v K Annamalai [1959] MLJ 9; [1958] 1 LNS 94, CA (dirujuk)
Ngoi Thiam Woh v CTOS Sdn Bhd & Ors [2001] 4 MLJ 510; [2001] 4 CLJ 765, MT (dirujuk)
B *North West Water Ltd v Binnie & Partners a (firm)* [1990] 3 All ER 547 (dirujuk)
Olotu v Home Office and another [1997] 1 All ER 385 (dirujuk)
People's Union for Civil Liberties (PUCL) v Union of India and Another 1997 AIR SC 568, MA (dirujuk)
R v Department of Health, ex parte Source Informatics Ltd (1999) EWHC 315,
C MR (dirujuk)
R v Dyment [1988] 2 SCR 4179, MA (dirujuk)
R Rajagopal v State of Tamil Nadu AIR 1995 SC 264, MA (dirujuk)
Read v Croydon Corporation [1938] 4 All ER 631 (dirujuk)
Restoran Keluarga Sdn Bhd v Mutual Empire Sdn Bhd [2011] MLJU 145;
D [2011] 1 LNS 23, MT (dirujuk)
Roshairee bin Abdul Wahab v Mejar Mustafa bin Omar & Ors [1996] 3 MLJ 337; [1997] 1 CLJ 39, MT (dirujuk)
Samsudin Ismail & Ors v Yeoh Oon Theam (as the administrator of the estate of Lim Mah Ee @ Baba Mahee, deceased) & Ors and another application [2003]
E 6 MLJ 596; [2003] 1 LNS 368, MT (dirujuk)
Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd v Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang Darul Makmur (via his secretary Dato' Ahmad Tajudin bin Sulaiman) [2010] 8 MLJ 57; [2009] 1 LNS 1457, MT (dirujuk)
Sipple v Chronicle Publishing Co (1984) 154 Cal App 3d 1040, MR (dirujuk)
F *Soh Chun Seng v CTOS-EMR Sdn Bhd* [2003] 4 MLJ 180; [2004] 5 CLJ 46, MT (dirujuk)
Somwar v McDonald's Restaurants of Canada Ltd (2006) 79 OR (3d) 172, MA (dirujuk)
South Pacific Manufacturing Co Ltd v New Zealand Security Consultants &
G *Investigations Ltd* [1992] 2 NZLR 282, MR (dirujuk)
Stratton Oakmont Inc v Prodgy Services Co (1995) 23 Media L Rep 1794 (dirujuk)
Stubbs Ltd v Russell [1913] AC 386, HL (dirujuk)
Sun Life Assurance Co of Canada v WH Smith & Son Ltd (1933) 150 LT 211,
H MR (dirujuk)
Tan Lai v Mohamed bin Mahmud & Ors [1982] 1 MLJ 338; [1982] CLJ (Rep) 800 (dirujuk)
Tenaga Nasional Berhad v Irham N iaga Sdn Bhd & Anor [2011] 1 MLJ 752 ; [2011] 1 CLJ 491, MR (dirujuk)
I *Teo Seng Chiang v Asia Commercial Finance (M) Bhd* [2009] 1 CLJ 113, MT (dirujuk)
Thornton v Kirklees Metropolitan Borough Council [1979] QB 626, MR (dirujuk)
Tran v Financial Debt Recovery Ltd [2000] J No 4293, MA (dirujuk)

Ultra Dimension Sdn Bhd v Kook Wei Kuan [2004] 5 CLJ 285, MT (dirujuk)
Uniphone Sdn Bhd v Chin Boon Lit & Anor [1998] 6 MLJ 441, MT (dirujuk)
Vijendran Ponniah v MBF Country Homes & Resorts Sdn Bhd & Anor [2002] 1 MLJ 535, MT (dirujuk)
Vizetelly v Mudie's Select Librarary Ltd [1900] 2 QB 170, MR (dirujuk)
Wainwright and another v Home Office [2003] 4 All ER 969, HL (dirujuk)
Weldon v Times Book Co Ltd (1911) 28 TLR 143, MR (dirujuk)
Wong Peng Yan Benjamin v Genting Bhd & Anor [1993] 3 MLJ 713; [1994] 1 CLJ 351, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010
Akta Agensi Persendirian 1971
Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Azhana bt Mohd Khairudin (Mohamed Hanipa & Assoc) bagi pihak plaintif.
Ashok Kandia (R Thipa bersamanya) (Haris & Assoc) bagi pihak defendan.

VT Singham H:

PERNYATAAN TUNTUTAN TERPINDA PLAINTIF

[1] Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah seperti di pernyataan tuntutan terpinda bertarikh 29 April 2011 (lampiran 54). Secara ringkasnya, plaintif memplidkan bahawa defendan telah cuai dalam menyimpan maklumat dan memberi maklumat tersebut kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan mengenai butir-butir notis Kebankrapan plaintif, di mana dikatakan adalah tidak benar dan melakukan pencerobohan privasi (*invasion of privacy*) ke atas plaintif dan menjalankan perniagaan tanpa lesen seperti dikehendaki di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 (*Private Agencies Act 1971*). Akibat daripada kecuaian defendan dan pencerobohan privasi tersebut, plaintif dikatakan telah mengalami kesusahan dan kerugian apabila permohonan plaintif untuk mendapatkan pinjaman dan kemudahan-kemudahan kewangan (*loan and credit facilities*) daripada Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank ditolak.

[2] Seterusnya, di atas perkara-perkara tersebut di atas, plaintif menuntut relief-relief seperti berikut:

(a) deklarasi bahawa defendan tidak mempunyai hak untuk menyimpan data maklumat plaintif tanpa kebenaran plaintif;

(aa) deklarasi bahawa tindakan defendan menyimpan data maklumat berkenaan urusan plaintif dan/atau berkongsi maklumat tersebut kepada pihak lain adalah satu tindakan yang tidak sah disisi undang-undang;

A (b) perintah mengarahkan defendan memadamkan segala data maklumat berkaitan plaintif yang disimpan dan dipegang oleh defendan dalam masa 24 jam dari tarikh perintah terhadap writ saman ini;

(c) ganti rugi khas sebanyak RM186;

B (d) ganti rugi am;

(e) ganti rugi teladan;

(f) ganti rugi melampau;

C (g) kos; dan

(h) lain-lain relief yang difikirkan sesuai dan manfaat oleh mahkamah yang mulia ini.

D **[3]** Butir-butir kecuaian terhadap defendan seperti diplidkan di pernyataan tuntutan terpinda (lampiran 54), adalah seperti berikut:

(1) Gagal memadamkan nama plaintif di dalam data yang di simpan oleh defendan yang mengakibatkan pengguna-pengguna defendan dikalangan institusi kewangan di Negara ini telah dan masih menggunakan maklumat yang
E disimpan oleh defendan untuk menyenarai hitam plaintif daripada mendapatkan apa bantuan kewangan daripada institusi kewangan tersebut;

(2) Gagal mengambil langkah atau sebarang langkah yang munasabah untuk memaklumkan kepada pengguna-pengguna defendan bahawa rekod plaintif adalah bersih dan tidak sewajarnya disenaraihitamkan.

F (3) Gagal menghubungi plaintif dalam sebarang masa bagi mendapatkan maklumat tentang status kes plaintif di Mahkamah meskipun kes tersebut telah diselesaikan seawal Tahun 2000 lagi.

(4) Gagal mengambil apa-apa tindakan atau tindakan yang mnasabah dan segera
G untuk memadamkan atau mengeluarkan nama plaintif di dalam data defendan meskipun telah diminta berbuat demikian oleh pihak AmBank Berhad melalui surat pihak AmBank Berhad kepada defendan bertarikh 7.9.2005.

(5) Akibat daripada kecuaian defendan tersebut di atas plaintif telah mengalami kesusahan dan kerugian yang amat sangat khususnya kesusahan untuk
H mendapatkan pinjaman dan kemudahan-kemudahan kewangan daripada pihak bank dan/atau institusi kewangan yang lain.

PERNYATAAN PEMBELAAN TERPINDA DEFENDAN

I **[4]** Sebaliknya, defendan melalui penyataan pembelaan terpinda bertarikh 18 Mei 2011 (lampiran 55) menafikan tuntutan dan tomahan-tomahan plaintif. Defendan memplidkan dalam penyataan pembelaan terpinda di antaranya, dan secara ringkasnya, pangkalan data (*database*) defendan diperolehi daripada sumber awam (surat khabar) dan tidak melakukan

pencerobohan privasi ke atas plaintif terhadap maklumat tentang notis kebankrapan terhadap plaintif yang disimpan di pangkalan data (*database*) defendan. Seterusnya, defendan memplidkan bahawa defendan tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya terdapat bank dan/atau institusi kewangan yang masih menggunakan maklumat yang disimpan oleh defendan untuk 'menyenarai hitam' plaintif daripada mendapatkan apa-apa bantuan kewangan daripada institusi kewangan tersebut defendan juga tidak diberitahu oleh AmBank Bhd terlebih awal (bank yang pada mulanya memaklumkan defendan melalui surat bertarikh 10 Disember 2003 (D8a–b) supaya defendan dapat memasukkan dalam pangkalan data defendan butir-butir notis kebankrapan terhadap plaintif), sama ada notis kebankrapan tersebut telah difailkan secara salah oleh AmBank Bhd atau untuk mengemaskini kedudukannya sehingga defendan menerima surat bertarikh 2 Mac 2007 (D9) dari AmBank Bhd.

[5] Defendan juga menafikan butir-butir kecuaian seperti yang diplidkan oleh plaintif. Seterusnya, defendan memohon tuntutan plaintif ditolak dengan kos. Selanjutnya, defendan juga memplidkan bahawa Akta Agensi Persendirian 1971 tidak terpakai bagi jenis perniagaan defendan.

[6] Fakta-fakta yang dipersetujui (lampiran 41) adalah seperti berikut:

(1) Plaintif pada masa kini dan masa material adalah seorang individu yang bekerja sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan mempunyai alamat penyampaian di No. 25, Jalan Enggang Timor 6, Taman Keramat 54200 Kuala Lumpur.

(2) Defendan adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1960 dan mempunyai alamat di Unit A-8-6, 8 th Floor, Megan Avenue 1, No. 189, Jalan Tun Razak, 54000 Kuala Lumpur.

(3) Defendan ditubuhkan atau diperbadankan di bawah Akta Syarikat pada 17.12.1990.

(4) Berdasarkan Memorandum Persatuan (Memorandum of Association) dan Artikel Persatuan (Article of Association) defendan bertarikh 17.12.1990 ditubuhkan dengan antara lain tujuan berikut:

> To carry on the business of a credit rating agency or bereau, and in particular to collect, prepare, supply and distribute any information and statistic in any form, relating to any type of business and industry obtained through research, checking, search activities, surveys and interviews, to individuals and all types of business and industry.

(5) Melalui saman bertarikh 25.11.1997 plaintif telah disaman sebagai penjamin oleh AmFinance Berhad (dahulunya Mbf Finance Berhad) di Mahkamah Sesyen Melaka di mana pihak AmFinance Berhad telah menuntut bayaran sebanyak RM95,493.59 daripada plaintif.

(6) Pada 15.9.1999 Hakim Mahkamah Sesyen Melaka telah memberikan penghakiman ke atas plaintif bagi jumlah RM95,493.59 tersebut.

(7) Plaintif telah memfailkan Notis Rayuan di Mahkamah Tinggi Melaka bagi merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut

(8) Pada 13.3.2000 Mahkamah Tinggi Melaka telah membenarkan rayuan plaintif tersebut tanpa apa-apa perintah mengenai kos.

(9) Pada 10.9.2003 pihak AmFinance Berhad telah memfailkan Notis Kebankrapan ke atas plaintif di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di mana ianya didaftarkan No. D3-29-5278-2003 bagi menuntut pembayaran wang sebanyak RM150,529.55 dari plaintif

(10) Melalui surat daripada peguamcara plaintif ke atas peguamcara AmFinance, Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co. plaintif telah antara lain meminta Notis Kebankrapan tersebut ditarik balik kerana ianya difailkan secara tidak sah ke atas plaintif.

(11) Melalui Notis Pemberhentian bertarikh 26.8.2005 pihak Amfinance Berhad telah memberhentikan tindakan kebankrapan ke atas plaintif.

[7] Isu-isu untuk dibicarakan (lampiran 42) adalah seperti berikut:

(1) Apakah yang menyebabkan plaintif tidak diberi pinjaman oleh bank-bank?

(2) Apakah bank-bank yang plaintif telah memohon pinjaman dan bilakah permohonan pinjaman tersebut dibuat?

(3) Sama ada defendan cuai dan bertanggungjawab di atas kegagalan plaintif diberikan pinjaman oleh bank-bank tersebut?

(4) Sama ada defendan sebagai syarikat yang memberikan perkhidmatan yang membekalkan maklumat (*service provider*) kepada bank-bank telah memberikan maklumat mengenai plaintif kepada bank-bank tersebut dan apakah maklumat-maklumat yang diberikan oleh plaintif kepada bank-bank tersebut?

(5) Sekiranya soalan-soalan di atas adalah positif, adakah plaintif telah menanggung kerugian.

[8] Peguam plaintif dalam hujahannya, menyatakan dan secara ringkasnya, adalah seperti berikut:

(a) defendan tidak mempunyai hak untuk menyimpan butir-butir kebankrapan plaintif kerana melanggar hak privasi plaintif (*invasion of privacy rights*);

(b) defendan telah cuai apabila tidak memastikan maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd terhadap kewujudan notis kebankrapan adalah benar dan tidak menjalankan inkuiri terlebih dahulu sebelum memasukkan di dalam pangkalan data (*database*) defendan; dan

(c) defendan juga menjalankan perniagaan tanpa lesen seperti dikehendaki di bawah Akta Agensi Persendirian 1971.

[9] Untuk menyokong hujahnya, peguam plaintif merujuk kepada kes-kes berikut:

(a) *Cutler v Wandsworth Stadium Ltd* [1949] AC 398;

(b) *Thornton v Kirklees Metropolitan Borough Council* [1979] QB 626;

(c) *Olotu v Home Office and another* [1997] 1 All ER 385;

(d) *Read v Croydon Corporation* [1938] 4 All ER 631;

(e) *Lochgelly Iron and Coal Co Ltd v M'Mulan* [1934] AC 1;

(f) *Hamdan bin Abdul Hamid @ Hamid bin Abdul Rahman v Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri* [2010] 4 MLJ 556;

(g) *The Right to Privacy and Challenges: A Critical Review by Dr Nehaluddin Ahmad* [2008] 5 MLJA cxxi;

(h) *People's Union For Civil Liberties (PVCL) v Union of India and another* 1997 AIR SC 568;

(i) *Malayan Banking Bhd v PK Rajamani & Anor* [2004] 3 MLJ 28; [2004] 3 CLJ 79;

(j) *Shape bin Abd Rahman v CTOS Sdn Bhd* (dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur, Guaman Sivil No S7–23–36 Tahun 2006) (Alasan Penghakiman yang tidak dilaporkan);

(k) *explanatory statement Private Agencies Act 1971*;

(l) *R v Dyment* [1988] 2 SCR 4179;

(m) *Somwar v McDonald's Restaurants of Canada Ltd* (2006) 79 OR (3d) 172;

(n) *Tran v Financial Debt Recovery Ltd* (2000) OJ No 4293;

(o) *Roshairee bin Abdul Wahab v Mejar Mustafa bin Omar & Ors* [1996] 3 MLJ 337; [1997] 1 CLJ 39;

(p) C Kameshwara Rao's *Treatise On Law of Damages & Compensation* (5th Ed), 1982; dan

(q) *Vijendran Ponniah v MBf Country Homes & Resorts Sdn Bhd & Anor* [2002] 1 MLJ 535.

[10] Peguam defendan, selain daripada alasan-alasan yang dinyatakan dalam hujahan bertulis, berhujah, secara ringkasnya, seperti berikut:

(a) maklumat terhadap notis kebankrapan dikeluarkan oleh AmBank Bhd

kepada defendan melalui surat bertarikh 10 Disember 2003 (D8a–b) untuk dimasukkan ke dalam pangkalan data (*database*) defendan;

(b) defendan menyatakan bahawa butir-butir notis kebankrapan plaintif dimasukkan di dalam pangkalan data (*database*) defendan untuk semakan atau rujukan pelanggan-pelanggan defendan dan bukan untuk orang awam secara khasnya;

(c) maklumat terhadap notis kebankapan yang dikeluarkan terhadap plaintif adalah maklumat dalam pengetahuan orang awam (*public knowledge*) kerana AmBank Bhd telah mengiklankan notis kebankrapan di surat khabar *Berita Harian* pada 9 Ogos 2004;

(d) plaintif juga telah memfailkan satu tindakan terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co pada 11 Ogos 2005 (Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di Guaman Sivil No S5–22–923 Tahun 2005) yang bertanggungjawab untuk mengiklankan notis kebankrapan tersebut secara salah di surat khabar *Berita Harian* pada 9 Ogos 2004 walaupun penghakiman terhadap plaintif yang diberikan pada 15 September 1999 telah pun diketepikan oleh Mahkamah Tinggi Malaya pada 13 Mac 2000. Tuntutan plaintif terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co, di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur adalah untuk ganti rugi;

(e) Oleh itu, dan pendek kata, tindakan plaintif terhadap defendan dalam guaman sivil di hadapan mahkamah ini adalah diestop dan res judicata kerana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di Guaman Sivil No S5–22–923 Tahun 2005, yang difailkan oleh plaintif terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya, Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co, telah pun mendapati AmBank Bhd bertanggungjawab dan mengawardkan ganti rugi sebanyak RM50,186;

(f) tindakan yang difailkan oleh plaintif terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co, dan juga terhadap defendan dalam kes di hadapan mahkamah ini adalah mengenai perkara (*subject matter*) yang sama. Oleh itu, plaintif telah menyalahgunakan proses mahkamah;

(g) Tidak ada sebarang pencerohonan privasi oleh defendan terhadap hak persendirian plaintif (*there is no invansion of privacy rights*);

(h) Akta Agensi Persendirian 1971 (*Private Agencies Act 1971*) tidak terpakai bagi jenis perniagaan yang dijalan oleh defendan. Akta Agensi Persendirian 1971 dipakai untuk jenis perniagaan yang lain dan seperti yang diperuntukkan dibawah Akta tersebut;

(i) defendan juga telah mencatatkan amaran terhadap tanggungjawab defendan seperti yang dinyatakan dalam surat defendan bertarikh 10

April 2007 (D44) bahawa sebarang maklumat yang diberikan oleh defendan bukanlah maklumat muktamad;

(j) defendan tidak bertanggungjawab untuk menjalankan siasatan lebih lanjut atau membuat inkuiri untuk memastikan sama ada maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd mengenai notis kebankrapan tersebut terhadap plaintif adalah benar. tanggungjawab defendan adalah untuk memasukkan maklumat-maklumat yang didapati daripada surat khabar dan juga maklumat-maklumat yang diberikan oleh pelanggan-pelanggannya seperti AmBank Bhd dalam pangkalan data defendan untuk *retrieve* oleh pelanggan-pelanggan defendan sahaja;

(k) penolakan permohonan plaintif untuk mendapatkan kemudahan kewangan atau pinjaman adalah di atas kurang tanggungjawab oleh plaintif sendiri di mana plaintif seperti yang diakui tidak mahu memaklumkan kepada bank-bank tersebut bahawa penghakiman terhadap plaintif yang diberikan pada 15 September 1999 oleh Mahkamah Sesyen Melaka telah diketepikan oleh Mahkamah Tinggi Melaka pada 13 Mac 2000. Seterusnya, notis kebankrapan tersebut bertarikh 10 September 2003 yang dikeluarkan dan diiklankan oleh AmBank Bhd melalui peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co, adalah salah dan tidak patut dibuat. Berikutnya, plaintif telah pun mengambil tindakan terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya, Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co, melalui tindakan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di Guaman Sivil No S5–22–923 Tahun 2005;

(l) plaintif tidak menggunakan peluang yang terbuka kepada plaintif untuk membuat rayuan terhadap keputusan bank-bank yang telah menolak permohonan plaintif untuk kemudahan kewangan dan perkara ini diakui oleh plaintif sendiri dan disahkan oleh saksi-saksi plaintif sendiri. Kebolehpercayaan plaintif adalah diragui;

(m) plaintif tidak mengalami sebarang kerugian di atas penolakan permohonan plaintif untuk kemudahan kewangan oleh bank-bank tersebut kerana plaintif telah mengakui bahawa plaintif tidak memerlukan wang untuk perkara-perkara tertentu pada masa itu dan tidak dapat dibuktikan sebarang kerugian yang dialami oleh plaintif;

(n) walaupun plaintif mengetahui bahawa penghakiman terhadap beliau yang diberikan oleh Mahkamah Sesyen Melaka pada 15 September 1999 telah pun diketepikan pada 13 Mac 2000, plaintif tidak mahu mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan notis pemberhentian bertarikh 26 Ogos 2005 difailkan di mahkamah kebankrapan oleh peguamcara AmBank Bhd serta-merta atau secepat mungkin. Notis pemberhentian bertarikh 26 Ogos 2005 (P5) hanya difailkan oleh peguamcara AmBank Bhd pada 21 Oktober 2005 dan

maklumat pemfailan pada 21 Oktober 2005 ini diperolehi atas semakan yang dilakukan oleh peguamcara defendan; dan

(o) oleh yang demikian, dan di atas alasan lain yang terkandung didalam hujahan peguam defendan dan berdasarkan keterangan di hadapan mahkamah ini, tuntutan plaintif harus ditolak dengan kos.

[11] Untuk menyokong hujahan, peguam defendan merujuk kepada kes-kes berikut:

(a) *Koh Siew Hoon v Bumiputera Commerce Bank Bhd* [2010] MLJU 601; [2010] 1 LNS 613;

(b) *Bell-Booth Group Ltd v Attorney General* [1989] NZLR 148;

(c) *Balfour v Attorney General* [1991] NZLR 519;

(d) *Uniphone Sdn Bhd v Chin Boon Lit & Anor* [1998] 6 MLJ 441;

(e) *Kho Poh Teck v Digi Telecomunications Sdn Bhd* [2006] 6 MLJ 349; [2006] 2 CLJ 957;

(f) *Stubbs Ltd v Russell* [1913] AC 386;

(g) *Ultra Dimension Sdn Bhd v Kook Wei Kuan* [2004] CLJ 285;

(h) *Lew Cher Phow @ Lew Cha Paw & Ors v Pua Yong Yong Anor Pua Keng Siang* [2009] MLJU 1331; [2009] 1 LNS 1256;

(i) *Maslinda bt Ishak v Mohd Tahir bin Osman & Ors* [2009] 6 MLJ 826; [2009] 6 CLJ 653;

(j) *Dr Bernadine Malini Martin v MPH Magazine Sdn Bhd & Ors and another appeal* [2010] 5 MLJ 755 ; [2010] 7 CLJ 525;

(k) *Lee Ewe Poh v Dr Lim Teik Man & Ors* [2011] 1 MLJ 835; [2010] 1 LNS 1162;

(l) *People's Union for Civil Liberties (PUCL) v Union of India and Another* 1997 AIR SC 568;

(m) *R Rajagopal v State of Tamil Nadu* AIR 1995 SC 264;

(n) *Chor Phaik Har v Farlim Properties Sdn Bhd* [1994] 3 MLJ 345; [1994] 4 CLJ 285;

(o) *DYTM Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah v Dikim Holdings Sdn Bhd & Anor* [2002] 2 MLJ 11; [2002] 2 CLJ 57;

(p) *Samsudin Ismail & Ors v Yeoh Oon Theam (as the administrator of the estate of Lim Mah Ee @ Baba Mahee, deceased) & Ors & another application* [2003] 6 MLJ 596; [2003] 1 LNS 368;

(q) *Restoran Keluarga Sdn Bhd v Mutual Empire Sdn Bhd* [2011] MLJU 145; [2011] 1 LNS 23;

(r) *Malayan United Finance Bhd v Noormurni Sdn Bhd & Anor* [1988] 1 MLJ 395; [1988] 1 CLJ (Rep) 190;

(s) *Wong Peng Yan Benjamin v Genting Bhd & Anor* [1993] 3 MLJ 713; [1994] 1 CLJ 351;

(t) *Mensa Merchantile (Far East) Pte Ltd v Eikobina (M) Sdn Bhd & Ors* [1991] 2 MLJ 258; [1991] 3 CLJ (Rep) 287;

(u) *Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 3 MLJ 331; [1995] 4 CLJ 283;

(v) *Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd v Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang Darul Makmur (via his secretary Dato' Ahmad Tajudin bin Sulaiman)* [2010] 8 MLJ 57; [2009] 1 LNS 1457;

(w) *Ngoi Thiam Woh v CTOS Sdn Bhd & Ors* [2004] 4 MLJ 510; [2001] 4 CLJ 765;

(x) *Kapt (B) HJ Mohamad bin Ismail v Perwira Affin Bank Bhd* [2001] 5 MLJ 101; [2001] 5 CLJ 184;

(y) *Wainwright and another v Home Office* [2003] 4 All ER 969;

(z) *Malone v Metropolitan Police Commissioner* [1979] 1 Ch 344;

(aa) *Kaye v Robertson & Another* [1991] FSR 62;

(ab) *Campbell v MGN Ltd* [2004] 2 All ER 995;

(ac) *Attorney General v Guardian Newspapers Ltd and others (No 2)* [1988] 3 All ER 543;

(ad) *Sipple v Chronicle Publishing Co* (1984) 154 Cal App 3d 1040;

(ae) *CTB v News Group Newspapers Limited & Imogen Thomas* (2011) EWHC1232 (QB);

(af) *Majlis Agama Islam Pulau Pinang & Seberang Perai v Katijah Yoan & Ors* [2010] 4 CLJ 592;

(ag) *Caparo Industries plc v Dickman and others* [1990] 1 All ER 568;

(ah) *Hedley Byrne & Co Ltd v Heller & Partners Ltd* [1963] 2 All ER 575;

(ai) *Kapfunde v Abbey National Plc and Daniel* [1999] ICR 1;

(aj) *South Pacific Manufacturing Co Ltd v New Zealand Security Consultants & Investigations Ltd* [1992] 2 NZLR 282;

(ak) *Wong Lai Yoke & Ors v Maybank Investment Management Sdn Bhd & Anor* ((Dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur (Bahagian

Dagang), Guaman Sivil No D8–22–1426 Tahun 2004) (alasan penghakiman yang tidak dilaporkan);

(al) *Kuala Lumpur, Klang & Port Swettenham Omnibus Co Bhd v Transport Workers' Union* [1971] 1 MLJ 102;

(am) *The National Union of Plantation Workers v K Annamalai* [1959] MLJ 9; [1958] 1 LNS 94;

(an) *H Rubber Estates Sdn Bhd v Director-General of Inland Revenue* [1979] 1 MLJ 115; (1986) MTC 36;

(ao) *Arumugam Periasamy v Public Prosecutor* [2005] 3 CLJ 685; dan

(ap) *Canada Sugar Refining Company Limited v The Queen* [1898] AC 735.

[12] Dalam penghujahan balas, peguam plaintif berhujah balas dan ringkasnya adalah:

(a) defendan bertanggungjawab untuk membuat inkuiri apabila menyimpan maklumat-maklumat terhadap notis kebankrapan plaintif di pangkalan data kerana penghakiman yang diberikan terhadap plaintif pada 15 September 1999 telah diketepikan pada 1 Mac 2000. Oleh sebab penghakiman terhadap plaintif telah pun diketepikan, notis kebankrapan tersebut yang dikeluarkan tidak wujud lagi kerana notis kebankrapan tersebut dikeluarkan berdasarkan penghakiman tersebut yang diberikan pada 15 September 1999;

(b) tindakan defendan yang memasukkan butir-butir notis kebankrapan tersebut dalam pangkalan data adalah tindakan pencerobohan privasi atau hak persendirian plaintif di mana defendan tidak mempunyai hak untuk menyimpan dalam pangkalan data defendan;

(c) defendan gagal untuk memastikan maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd terhadap notis kebankrapan tersebut adalah benar sebelum disimpan dalam pangkalan data defendan dan defendan gagal memastikan maklumat-maklumat tersebut adalah benar;

(d) Akta Agensi Persendirian 1971 terpakai terhadap defendan. Seterusnya defendan telah melanggar undang-undang apabila menjalankan perniagaan tanpa memperolehi lesen dibawah Akta Agensi Persendirian 1971; dan

(e) plaintif telah mengalami kerugian di atas tindakan defendan. Pohon tuntutan plaintif dibenarkan terhadap defendan.

KEPUTUSAN

[13] Setelah membaca dan meneliti pernyataan tuntutan terpinda plaintif,

perayataan pembelaan terpinda, fakta-fakta yang dipersetujui, isu-isu untuk dibicarakan dan setelah mendengar dan melihat saksi-saksi memberi keterangan dan menilai keterangan-keterangan saksi-saksi plaintif dan defendan keseluruhannya, bersama dengan dokumen-dokumen yang dikemukakan dan boleh diterima (*admissible documents*), hujah-hujah oleh kedua-dua pihak, autoriti-autoriti yang dirujuk dan penyelidikan oleh mahkamah ini, keputusan mahkamah ini adalah:

(1) seperti yang dinyatakan di atas, maklumat yang disimpan di pangkalan data oleh defendan bahawa terdapat satu notis kebankrapan yang dikeluarkan terhadap plaintif oleh AmBank Bhd adalah dari AmBank Bhd sendiri melalui surat bertarikh 10 Disember 2003 (D8a–b) (bundle C) (lampiran 40).

Surat bertarikh 10.12.2003 berkata:

- Date: 10/12/2003

The Manager
CTOS Sdn Bhd
Unit A-8-6, Phileo Promenade
No. 189, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

AMFINANCE
Melaka Collection Hub(Region 3- Melaka)
No 154 & 156,1st Floor
Kompleks Munshi Abdullah
Jalan Munshi Abdullah
75100 Melaka

Tel (606)282 3360 (606) 284 9227Fax (606) 286 3362

Dear sir,

Re: CTOS Enhanced Database (CED) Submissions

Please admit the following filed legal cases into the CTOS Database under CED service

Name	I/C NO (OLD & NEW)	CASE NO	LEGAL FIRM & CASE NO
5. Mohd Zaid bin Johan	610213-05-5063	BN-D3-29-5278-03	NH/MBf/981/97/M NORDIN HAMID MLK 06-2826781

The required photostated court documents where the court seal appears to support the above legal cases are enclosed.

I have ensured that all the above records provided to CTOS Sdn Bhd are genuine, accurate & we are still pursuing the legal action in the court of law. (Penekanan ditambah.)

I will also undertake to inform CTOS Sdn Bhd by way of writing whenever the above legal cases are settled, withdraw, discontinued, dismissed or struck out Please enter the records into the CTOS Database immediately. (Penekanan ditambah.)

Thank you.

Yours sincerely,

sgd

(Noor Ezam bin Hj Mohd Pii)
Head Asset Financing & Small Business
(Receivable Management) Melaka.

(2) Berdasarkan surat bertarikh 10 Disember 2003 tersebut dari AmBank Bhd dan keterangan yang dikemukakan dalam perbicaraan ini, tidak dinafikan bahawa pihak yang bertanggungjawab dan telah mengeluarkan notis kebankrapan bertarikh 10 September 2003 tersebut dan pengiklanan notis kebankrapan tersebut di surat khabar *Berita Harian* pada 9 Ogos 2004 (D10) terhadap plaintif adalah AmBank Bhd melalui peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co, perkara ini diakui oleh plaintif (rujuk pernyataan fakta-fakta yang dipersetujui (lampiran 41)).

(3) Notis kebankrapan bertarikh 10 September 2003 tersebut yang dikeluarkan oleh AmBank Bhd terhadap plaintif adalah berdasarkan kepada satu penghakiman bertarikh 15 September 1999 yang diberikan memihak kepada AmBank Bhd oleh Mahkamah Sesyen Melaka, lihat Saman No 52–862 Tahun 1997 (D34) untuk RM95,493.59, faedah dan kos. Sebenarnya, pada masa notis kebankrapan bertarikh 10 September 2003 tersebut dikeluarkan oleh AmBank Bhd, dan pengiklanan dibuat di *Berita Harian* pada 9 Ogos 2004 (D10), penghakiman tersebut telah diketepikan pada 13 Mac 2000 oleh Mahkamah Tinggi Melaka di atas rayuan oleh plaintif. Penghakiman tersebut yang kononnya menyebabkan notis kebankrapan dan pengiklanan dikeluarkan telah pun diketepikan seawal 13 Mac 2000 oleh Mahkamah Tinggi Melaka. Perkara ini patut berada dalam pengetahuan AmBank Bhd dan peguamcaranya termasuk plaintif dan peguamcaranya. Seperti akujanji yang diberikan oleh AmBank Bhd kepada defendan dalam surat bertarikh 10 Disember 2003 (D8a–b) AmBank Bhd patut memaklumkan kepada defendan dengan serta merta sebaik sahaja AmBank Bhd sedar tentang kesilapan yang dibuat oleh AmBank Bhd dan peguamcaranya.

(4) Seperti yang dinyatakan di atas, tindakan kecuaian dilakukan oleh AmBank Bhd melalui peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co, di mana dengan salah mengeluarkan notis kebankrapan bertarikh 10 September 2003 tersebut terhadap plaintif dan mengiklankannya pada 9 Ogos 2004 di *Berita Harian* masing-masing. Seterusnya, dan akibat tindakan-tindakan tersebut yang tidak sah, plaintif telah memfailkan

satu Guaman Sivil (lihat No S5–22–923 Tahun 2005) di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co (guaman sivil pertama). A

(5) Pada 4 April 2011 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dalam guaman sivil pertama telah mendapati AmBank Bhd dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co bertanggung (*liable*) ke atas tuntutan plaintif dalam perkara-perkara (*subject matter*) yang sama seperti dalam tuntutan di guaman sivil ini di hadapan mahkamah ini yang difailkan oleh plaintif terhadap defendan pada 14 September 2006, lihat Guaman Sivil No 22–935 Tahun 2006 (guaman sivil kedua). B C

(6) Seterusnya, ganti rugi yang ditaksirkan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi ganti rugi am dan khas, tauladan dan melampau dan award ganti rugi pada 4 April 2011 dalam guaman sivil pertama adalah seperti berikut: D

(i) ganti rugi am sebanyak RM40,000;

(ii) ganti rugi khas sebanyak RM186; dan

(iii) ganti rugi tauladan dan melampau RM10,000; dan E

(iv) berjumlah RM50,186 faedah dan kos terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co tersebut seperti relief-relief yang dituntut oleh plaintif dalam guaman sivil kedua ini.

(7) Pada masa guaman sivil bertarikh 14 September 2006 ini (guaman sivil kedua) difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 14 September 2011, guaman sivil pertama yang difailkan oleh plaintif terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co pada 11 Ogos 2005 masih wujud, iaitu,untuk ganti rugi dan ganti rugi khas yang sama seperti yang dituntut dalam guaman sivil kedua. Malangnya, guaman sivil kedua diteruskan oleh plaintif tanpa memaklumkan mahkamah ini terlebih dahulu pada atau sebelum perbicaraan ini dimulakan pada 1 April 2011. Maklumat dan keterangan terhadap guaman sivil pertama hanya dibangkitkan melalui pemeriksaan balas plaintif oleh peguam defendan. Seterusnya, di atas permohonan oleh peguam defendan, pliding dalam guaman sivil pertama dikemukakan sebagai keterangan di guaman sivil kedua ini dan ditandakan (D24). di antara relief-relief yang dituntut oleh plaintif dalam kes ini, guaman sivil kedua adalah: F G H I

(i) ganti rugi khas sebanyak RM186;

(ii) ganti rugi am;

(iii) ganti rugi tauladan;

(iv) ganti rugi melampau; dan

(v) Kos.

(i) Dalam butir-butir kerugian bagi ganti rugi khas, dalam guaman sivil kedua ini, plaintif menuntut seperti berikut:

(i) kos carian Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur RM28;

(ii) kos carian di Mahkamah Tinggi Melaka RM8;

(iii) Kos pengangkutan (termasuk tol) bagi membuat carian di Mahkamah Tinggi Melaka RM150;dan

(iv) Jumlah RM186.

Ganti rugi am

(i) relief-relief yang dituntut dalam guaman sivil pertama, plaintif juga menuntut ganti rugi khas seperti berikut:

(i) Kos carian Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur RM28;

(ii) Kos carian di Mahkamah Tinggi Melaka RM8;

(iii) Kos pengangkutan (termasuk tol) bagi membuat carian di Mahkamah Tinggi Melaka RM150; dan

(iv) Jumlah RM186.

(ii) Plaintif juga menuntut ganti rugi tauladan dan ganti rugi melampau.

(8) Asas dan hakikat plaintif untuk mendapatkan ganti rugi terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co di guaman sivil pertama dan terhadap defendan dalam guaman sivil kedua ini adalah terhadap perkara (*subject matter*) yang sama, iaitu plaintif telah mengalami kesusahan dan kerugian yang amat sangat, khususnya, kesusahan mendapatkan pinjaman dan kemudahan-kemudahan kewangan daripada bank-bank dan/atau institusi kewangan yang lain (rujuk kepada afidavit plaintif bagi taksiran ganti rugi dalam guaman sivil pertama (D25) khususnya, perenggan 12–23) di mana adalah seperti berikut:

12. Pada bulan September 2003 iaitu semasa pihak defendan pertama melalui defendan kedua memfailkan Notis Kebankrapan ke atas saya di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur saya bekerja sebagai pensyarah di UTM di Kuala Lumpur. Ditunjukkan kepada saya sesalinan surat perlantikan saya sebagai pensyarah UTM bertarikh 24.6.2002 yang saya akui benar dan ditandakan sebagai eksibit 'E'.

13. Saya telah menanggung rasa malu dan aib yang besar dan juga menanggung kesengsaraan kerana tercemar kredibiliti, karakter,

maruah, air muka dan reputasi saya. Saya adalah seorang pensyarah dan saya amat bimbang tindakan kebankrapan tersebut akan diketahui oleh rakan-rakan saya, pelajar-palajar saya dan juga Ketua Jabatan saya atau pihak UTM sendiri kerana hal tersebut telah diterbitkan dalam akhbar arus perdana yang mendapat liputan luas.

14. Akibat daripada tindakan kebankrapan tersebut saya telah menanggung masalah yang besar disamping malu dan aib dan penghinaan yang besar yang menjejaskan harga diri, maruah dan reputasi saya.

15. Akibat daripada tindakan kebankrapan yang dilakukan oleh defendan-defendan, nama saya telah dimasukkan dalam data simpanan (*database*) CTOS dan pihak-pihak bank atau institusi kewangan yang menjadi pelanggan kepada CTOS telah menggunakan maklumat mengenai saya yang disimpan oleh CTOS tersebut untuk menyenarai hitam saya dari mendapatkan mana-mana faedah kewangan seperti pinjaman dari bank-bank tersebut.

16. Akibat daripada tindakan kebankrapan tersebut nama saya telah disenaraihitamkan (*blacklisted*) oleh semua institusi kewangan Negara ini dan saya benar-benar menanggung kesusahan yang besar apabila permohonan saya untuk menggunakan kad kredit dan mendapatkan pembiayaan peribadi (*personal loan*) di beberapa buah bank telah ditolak disebabkan tindakan defendan-defendan memfailkan kebankrapan tersebut.

17. Saya lampirkan dokumen yang Maybank bekalkan kepada saya yang menunjukkan tentang tindakan kebankrapan yang difailkan ke atas saya oleh defendan-defendan yang saya tandakan sebagai ekshibit 'F'.

18. Pada bulan Oktober 2004 saya ada memohon dari Bank Islam Malaysia Berhad bagi mendapatkan kemudahan kad kredit Bank Islam namun saya dimaklumkan oleh pihak Bank melalui surat mereka kepada saya bertarikh 18.10.2004 bahawa permohonan kad Bank Islam yang saya pohon tidak dapat diluluskan. Ditunjukkan kepada saya surat Bank Islam Malaysia Berhad kepada saya bertarikh 18.10.2004 yang saya akui benar dan ditandakan sebagai ekshibit 'G'.

19. Pihak AmBank Berhad juga melalui surat bertarikh 9.11.2004 kepada saya telah menolak permohonan kad kredit saya. Ditunjukkan kepada saya surat AmBank Berhad bertarikh 9.11.2004 yang saya akui benar dan ditandakan sebagai ekshibit 'H'.

20. Pihak Bank Rakyat melalui surat mereka kepada saya bertarikh 9.12.2005 juga menolak permohonan pembiayaan peribadi yang saya buat Ditunjukkan kepada saya surat Bank Rakyat bertarikh 19.12.2005 dan ditandakan sebagai ekshibit 'I'.

21. Pihak Bank Islam melalui surat mereka bertarikh 18.1.2006 kepada saya juga menolak permohonan pembiayaan peribadi yang saya buat. Ditunjukkan kepada saya yang saya akui benar sesalinan surat Bank Islam bertarikh 18.1.2006 dan ditandakan sebagai ekshibit 'J'.

22. Berdasarkan ekshibit F,G,H,I dan J di atas adalah jelas saya telah menjadi pihak yang dianiaya dan berada di dalam kesusahan dan kesengsaraan yang teruk akibat dari kesalahan tort yang dilakukan oleh defendan-defendan kepada saya. Jika dilihat kepada ekshibit-ekshibit tersebut adalah jelas meskipun notis kebankrapan yang difailkan oleh defenda-defendan pada Tahun 2003 kesan yang saya tanggung bertahun-tahun sehingga Tahun 2006 dan saya percaya masih berterusan sehingga kini.

23. Defendan-defendan juga maklum bahawa tindakan kebankrapan adalah satu tindakan yang serius kerana ia bersifat 'penal in nature' oleh itu trauma yang dihadapi oleh saya di atas tindakan kebankrapan tersebut adalah terlalu mendalam ke atas saya.

(9) Sebenarnya, plaintif dengan sendirinya tidak memaklumkan kepada mahkamah ini atau dalam pemeriksaan utama atau dalam pernyataan saksi mengenai ganti rugi yang plaintif telah tuntut dalam guaman sivil pertama, di mana perkara (*subject matter*) adalah sama atau tuntutan ganti rugi adalah hampir sama (*identical*) mahupun boleh dikatakan kausa tindakan merupakan dan telah mendedahkan (*coughed*) seolah-olah merupakan kausa tindakan yang berlainan, di mana perkara asas dari akar umbi (*basis of the subject matter and the root cause*) adalah terhadap isu pemfailan notis kebankrapan tersebut secara salah oleh AmBank Bhd dan peguamcaranya terhadap plaintif. Perkara ini adalah lebih jelas dan ketara apabila membaca dan meneliti afidavit plaintif untuk taksiran ganti rugi di guaman sivil pertama (D25) dan notis tuntutan oleh peguam plaintif kepada AmBank Bhd dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co (D15A–B dan D16).

Notis tuntutan bertarikh 16 Mac 2005 oleh peguam plaintif kepada AmBank dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co, khususnya perenggan 5, 6 dan 7 adalah seperti berikut:

Surat bertarikh 16.3.2005 kepada AmBank Berhad

MOHAMED HANIPA & ASSOCIATES
ADVOCATES & SOLICITORS
PEGUAMBELA & PEGUAMCARA Mohamed Hanipa bin Maidin
LL.B (HONS) IIU(M'sia) LL.B (SHA) IIU (M'sia)
Mohd Fadzli bin Mohd Ramly
LL.B (HONS) IIU [M'sia]

OurRef: MZJ/CON/070/2004

Your Ref:

Date: 16.3.2005 **A**

AMFINANCE BERHAD HUB

CENTRE NO 154 & 156,

Korapleks Munshi Abdullah

75100 Melaka **B**

NOTIS TUNTUTAN BERHUBUNG NOTIS KEBANKRAPAN YANG DIFAILKAN OLEH PIHAK TUAN KE ATAS MOHAMAD ZAID BIN JOHAN

Kami merujuk kepada perkara di atas di mana kami mewakili Encik Mohamad Zaid bin Johan yang beralamat di 25, Jalan Enggan Timor 6, Taman Keramat, 54200 Kuala Lumpur. **C**

Kami diarahkan oleh anakguam kami bahawa pihak tuan telah, bagi pihak anakguam tuan iaitu Amfinance Berhad, memfailkan Notis Kebankrapan ke atas anak guam kami di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (No. D3-29-5278-2003) bagi menuntut jumlah sebanyak RM150, 529.95 yang dikatakan hutang yang perlu di bayar oleh anakguam kami di atas penghakiman yang dimasukkan ke atas anak guam kami di Mahkamah Sesyen di Melaka Saman No: 52-862-1997 pada 15.9.1999 (selepas ini disebut sebagai penghakiman tersebut) **D** **E**

Kami juga diarahkan oleh anakguam kami bahawa pihak Notis Kebankrapan tersebut juga telah diterbitkan di akhbar Berita Harian bertarikh 9.8.2004.

Kami ingin menegaskan bahawa notis kebankrapan yang difailkan oleh pihak tuan bagi pihak anakguam tuan ke atas anakguam kami di atas adalah tidak sah disebabkan penghakiman tersebut telah pun diketepikan oleh Mahkamah Tinggi Melaka pada 13.3.2000 di mana Mahkamah Tinggi tersebut telah membenarkan rayuan anak guam kami tanpa perintah mengenai kos pada 13.3.2000. **F**

Tindakan pihak tuan memfailkan notis kebankrapan tersebut adalah satu tindakan perlaksanaan yang salah (a wrongful execution) disisi undang-undang dan merupakan satu penganiayaan ke atas anakguam kami. **G**

Selanjutnya atau secara alternative tindakan tuan menerbitkan notis kebankrapan tersebut di akhbar Berita Harian pada 9.8.2004 adalah juga satu fitnah ke atas anak guam kami **H**

Kami seterusnya diarahkan bahawa akibat daripada fitnah yang diterbitkan di akhbar Berita Harian tersebut, maruah dan airmuka anakguam kami telah tercemar dan seterusnya meletakkan anak guam kami dalam kancah kehinaan serta menyebabkan anak guam kami menderita dari segi emosi, perasaan dan harga diri. **I**

Kami dengan ini menerima arahan yang tegas daripada anak guam kami untuk meminta pihak tuan dengan tanpa syarat menarik balik fitnah yang dilemparkan ke atas anak guam kami dan seterusnya memohon kemaafan yang tidak bersyarat kepada anakguam kami di mana ucapan maaf tersebut

harus diperlakui oleh anak guam kami atau pihak kami selaku peguamcara anak guam kami dan kata-kata penarikan balik fitnah dan ucapan minta maaf yang telah diperakui tersebut hendaklah diterbitkan di akhbar tersebut selama tiga hari berturut-turut dan pihak tuan juga harus berakujanji tidak akan menerbitkan kata-kata fitnah ke atas anak guam kami pada masa hadapan.

Kami juga diarahkan oleh anak guam kami untuk meminta pihak tuan dengan serta merta menarik balik prosiding kebankrapan ke atas anak guam kami tersebut

AMBIL PERHATIAN kami juga diarahkan untuk menuntut dari pihak tuan gantirugi sebanyak RM250,000.00 sebagai ganti rugi di atas kehinaan, keaiban, dan tercemarnya air muka anak guam kami si atas penerbitan kata-kata fitnah yang dilakukan oleh pihak tuan dan juga ganti rugi di atas tindakan perlaksanaan yang salah (a wrongful execution) dan bayaran gantirugi tersebut hendaklah dibayar kepada kami bagi pihak anak guam kami dalam masa 10 hari daripada tarikh surat ini di mana jika pihak tuan gagal berbuat demikian kami menerima arahan yang tegas daripada anak guam kami untuk meneruskan tindakan Mahkamah ke atas pihak tuan tanpa sebarang notis lagi

Yang benar

s.k Anak guam

Notis Tuntutan bertarikh 16 Mac 2005 kepada Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co:

MOHAMED HANIPA & ASSOCIATES

ADVOCATES & SOLICITORS

PEGUAMBELA & PEGUAMCARA

Mohamed Hanipa bin Maidin

LL.B (HONS) IIU(M'sia) LL.B (SHA) IIU (M'sia)

Mohd Fadzli bin Mohd Ramly

LL.B [HONS] IIU (M'sia)

OurRef: MZJ/CON/070/2004

Your Ref:

Date: 16.3.2005

Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co,

Peguambela dan Peguamcara

No314A & B Taman

75000 Melaka

NOTIS TUNTUTAN BERHUBUNG NOTIS KEBANKRAPAN YANG DIFAILKAN OLEH PIHAK TUAN KE ATAS MOHAMAD ZAID BIN JOHAN

Kami merujuk kepada perkara di atas di mana kami mewakili Encik Mohamad Zaid bin Johan yang beralamat di 25, Jalan Enggan Timor 6, Taman Keramat, 54200 Kuala Lumpur. A

Kami diarahkan oleh anak guam kami bahawa pihak tuan telah, bagi pihak anak guam tuan iaitu Amfinance Berhad, memfailkan Notis Kebankrapan ke atas anak guam kami di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (No. D3-29-5278-2003) bagi menuntut jumlah sebanyak RM150,529.95 yang dikatakan hutang yang perlu di bayar oleh anak guam kami di atas penghakiman yang dimasukkan ke atas anak guam kami di Mahkamah Sesyen di Melaka Saman No: 52-862-1997 pada 15.9.1999 (selepas ini disebut sebagai penghakiman tersebut) B C

Kami juga diarahkan oleh anak guam kami bahawa pihak Notis Kebankrapan tersebut juga telah diterbitkan di akhbar Berita Harian bertarikh 9.8.2004.

Kami ingin menegaskan bahawa notis kebankrapan yang difailkan oleh pihak tuan bagi pihak anak guam tuan ke atas anak guam kami di atas adalah tidak sah disebabkan penghakiman tersebut telah pun diketepikan oleh Mahkamah Tinggi Melaka pada 13.3.2000 di mana Mahkamah Tinggi tersebut telah membenarkan rayuan anak guam kami tanpa perintah mengenai kos pada 13.3.2000. D E

Tindakan pihak tuan memfailkan notis kebankrapan tersebut adalah satu tindakan perlaksanaan yang salah (a wrongful execution) disisi undang-undang dan merupakan satu penganiayaan ke atas anak guam kami.

Selanjutnya atau secara alternative tindakan tuan menerbitkan notis kebankrapan tersebut di akhbar Berita Harian pada 9.8.2004 adalah juga satu fitnah ke atas anak guam kami F

Kami seterusnya diarahkan bahawa akibat daripada fitnah yang diterbitkan di akhbar Berita Harian tersebut, maruah dan air muka anak guam kami telah tercemar dan seterusnya meletakkan anak guam kami dalam kancah kehinaan serta menyebabkan anak guam kami menderita dari segi emosi, perasaan dan harga diri. G

Kami dengan ini menerima arahan yang tegas daripada anak guam kami untuk meminta pihak tuan dengan tanpa syarat menarik balik fitnah yang dilemparkan ke atas anak guam kami dan seterusnya memohon kemaafan yang tidak bersyarat kepada anakguam kami di mana ucapan maaf tersebut harus diperlakui oleh anakguam kami atau pihak kami selaku peguamcara anak guam kami dan kata-kata penarikan balik fitnah dan ucapan minta maaf yang telah diperakui tersebut hendaklah diterbitkan di akhbar tersebut selama tiga hari berturut-turut dan pihak tuan juga harus berakujanji tidak akan menerbitkan kata-kata fitnah ke atas anak guam kami pada masa hadapan. H I

Kami juga diarahkan oleh anak guam kami untuk meminta pihak tuan dengan serta merta menarik balik presiding kebankrapan ke atas anak guam kami tersebut

AMBIL PERHATIAN kami juga diarahkan untuk menuntut dari pihak tuan ganti rugi sebanyak RM250,000.00 sebagai ganti rugi di atas kehinaan, keaiban, dan tercemarnya air muka anak guam kami si atas penerbitan kata-kata fitnah yang dilakukan oleh pihak tuan dan juga ganti rugi di atas tindakan perlaksanaan yang salah (a wrongful execution) dan bayaran gantirugi tersebut hendaklah dibayar kepada kami bagi pihak anakguam kami dalam masa 10 hari daripada tarikh surat ini di mana jika pihak tuan gagal berbuat demikian kami menerima arahan yang tegas daripada anakguam kami untuk meneruskan tindakan Mahkamah ke atas pihak tuan tanpa sebarang notis lagi

Yang benar

s.k Anak guam

(10)Sebenarnya dan sekiranya plaintif ingin menuntut ganti rugi terhadap defendan, plaintif harus dan patut menamakan defendan dalam tuntutan guaman sivil pertama dan memplidkan sebarang kausa tindakan terhadap defendan dalam guaman sivil pertama tersebut kerana sebarang kausa tindakan terhadap defendan wujud pada masa itu. Plaintif tidak digalakkan atau dibenarkan memfailkan dua guaman sivil secara berasingan seperti di guaman sivil kedua dan menjalankan bicara secara ansuran bagi tuntutan atau ganti rugi yang sama dan menuntut ganti rugi dua kali ganda di mana asas tuntutan adalah dari akar umbi yang sama.

(11)Plaintif tidak dibenarkan untuk memilih dan memfailkan dua tindakan secara berasingan untuk tuntutan yang berdasarkan kepada perkara yang sama (*subject matter*), iaitu, di mana notis kebankrapan tersebut dan pengiklanan di surat khabar *Berita Harian* tersebut dikeluarkan dan diiklankan secara salah oleh AmBank Bhd di mana penghakiman yang diberikan kepada AmBank Bhd terhadap plaintif pada 15 September 1999 telah diketepikan pada 13 Mac 2000 dan sebarang hutang kepada AmBank Bhd tidak wujud lagi. Seterusnya, sebarang tuntutan di atas sebarang ganti rugi yang dikatakan dialami oleh plaintif adalah sepatutnya terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co seperti dituntut dalam guaman sivil pertama. Seterusnya dan setelah memperolehi penghakiman terhadap liabiliti di mana award sebanyak RM50,186 telah dibenarkan dalam guaman sivil pertama oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 April 2011 terhadap AmBank Bhd, plaintif tidak dibenarkan untuk menuntut sekali lagi tuntutan yang sama atau meneruskan dengan guaman sivil kedua terhadap defendan di mana ianya adalah ganti rugi dua kali ganda (*double recovery of damages*).

(12)Sebaliknya dan malangnya, plaintif masih mencuba dan meneruskan untuk mendapatkan ganti rugi yang sama seperti di guaman sivil pertama untuk dua kali ganda (*double recovery of damages*) bagi perkara yang sama terhadap defendan dalam guaman sivil kedua. Plaintif tidak dibenarkan

untuk memfailkan tindakan ini guaman, sivil kedua terhadap defendan kerana mengatakan (*as alleged*) bahawa plaintif tidak mendapat kemudahan pinjaman dari Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank seperti yang di katakan oleh plaintif kerana plaintif telah pun mendapatkan ganti rugi terhadap AmBank Bhd dan peguamcaranya dalam guaman sivil pertama untuk perkara dan asas tuntutan yang sama. Mahkamah ini mendapati bahawa:

(a) maklumat yang didapati oleh Bank Islam atau Bank Rakyat atau Maybank daripada pangkalan data defendan terhadap notis kebankrapan tersebut adalah maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd sendiri melalui surat bertarikh 10 Disember 2003 (D8a–b). Perkara ini diakui oleh AmBank Bhd dan didapati daripada keterangan saksi sendiri (SP4) dan surat akuan bertarikh 6 September 2005 daripada AmBank Bhd (P7).

(b) Selain daripada maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd sendiri kepada defendan terhadap notis kebankrapan tersebut terhadap plaintif bersama salinan penghakiman, maklumat tersebut telah pun diiklankan di surat khabar *Berita Harian* bertarikh 9 Ogos 2004 (D10) oleh AmBank Bhd, di mana maklumat tersebut adalah dalam pengetahuan orang awam keseluruhan dan boleh dibaca oleh keseluruhan orang awam termasuk defendan. Maklumat tersebut bukan satu perkara atau maklumat yang boleh dikatakan rahsia atau privasi kepada plaintif atau pencerobohan privasi atau hak privasi seperti yang dikatakan oleh plaintif. Defendan hanya menyimpan maklumat tersebut di pangkalan data terhadap notis kebankrapan tersebut yang didapati daripada surat khabar tersebut serta dimaklumkan oleh AmBank Bhd. Tidak ada keterangan bahawa maklumat tersebut disimpan oleh defendan dengan niat jahat atau direka oleh defendan untuk membawa sebarang aib atau kesusahan kepada plaintif dan kesulitan seperti yang dikatakan dialami oleh plaintif. Sebenarnya pihak yang bertanggungjawab kepada sebarang kesulitan atau malu yang dikatakan dialami oleh plaintif adalah disebabkan oleh AmBank Bhd dan peguamcaranya, di mana plaintif telah pun dipampaskan dengan ganti rugi dalam guaman sivil pertama.

(c) Mengikut jenis perniagaan defendan, defendan bebas untuk memasukkan ke dalam pangkalan data maklumat-maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd sebagai pelanggan-pelanggan defendan tersebut di mana maklumat disimpan dalam pangkalan data defendan (rujuk perniagaan defendan seperti didapati daripada *memorandum and articles of associations* defendan (D27)) (rujuk juga D32 dibawah tajuk 'Source of Database and Accuracy of Data').

(d) Seperti yang dinyatakan di atas, maklumat yang diperolehi oleh bank-bank daripada pangkalan data defendan terhadap notis kebankrapan tersebut adalah maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd melalui surat bertarikh 10 Disember 2003 kepada defendan (D8a–b) di mana ia dimasukkan dalam pangkalan data defendan. Maklumat tersebut telah juga diiklankan oleh AmBank Bhd di surat khabar *Berita Harian* pada 9 Ogos 2004 (D10) di mana adalah pengetahuan orang awam keseluruhan termasuk defendan. Di sini adalah penting untuk menegaskan bahawa pada masa defendan menerima maklumat dari AmBank Bhd untuk dimasukkan dalam pangkalan datanya tidak ada keterangan bahawa defendan sedar atau dimaklumkan bahawa notis kebankrapan tersebut yang dikeluarkan oleh AmBank Bhd adalah salah dan tidak sah.

(e) Akta Agensi Persendirian 1971 (*Private Agencies Act 1971*) tidak terpakai terhadap defendan dalam fakta-fakta, latar belakang, jenis tuntutan plaintif dan jenis perniagaan defendan. Sebenarnya jenis perniagaan defendan tidak memerlukan lesen dibawah Akta Agensi Persendirian 1971 (*Private Agencies Act 1971*) seperti yang dihujahkan oleh peguam plaintif. Tujuan Akta Agensi Persendirian 1971 (*Private Agencies Act 1971*) adalah untuk jenis perniagaan yang berlainan seperti yang dinyatakan dalam Akta tersebut dan tidak ada kena-mengena terhadap jenis perniagaan yang dijalankan oleh defendan yang berikat dan menurut *memorandum and articles of association* dan sijil syarikat defendan (rujuk kes *Tan Lai v Mohamed bin Mahmud & Ors* [1982] 1 MLJ 338; [1982] CLJ (Rep) 800, *Tenaga Nasional Berhad v Irham Niaga Sdn Bhd & Anor* [2011] 1 MLJ 752 di ms 765; [2011] 1 CLJ 491 di ms 506, *Vizetelly v Mudie's Select Librarary Ltd* [1900] 2 QB 170, *Bottomley v FW Woolworth & Co Ltd* (1932) 48 TLR 521, *Sun Life Assurance Co of Canada v WH Smith & Son Ltd* [1933] 150 LT 211, *Weldon v Times Book Co Ltd* (1911) 28 TLR 143,*Cubby Inc v CompuServe Inc* (1991) 776 F Supp 135, *Stratton Oakmont Inc v Prodgy Services Co* (1995) 23 Media L Rep 1794). Seterusnya, mahkamah ini tidak dapat memberi interpretasi kepada Akta tersebut seperti yang dicadangkan atau dikehendaki oleh peguam plaintif atau untuk memihak plaintif di mana adalah bertentangan dengan peruntukan-peruntukan dan tujuan Akta tersebut mahkamah ini tidak dapat memberi tafsiran bertentangan Akta tersebut di mana adalah jelas Akta tersebut tidak terpakai bagi jenis perniagaan defendan.

(f) Walau bagaimanapun, didapati seperti yang dikemukakan oleh peguam defendan dua Akta baru iaitu, *Credit Reporting Agencies Act 2010* dan *Personal Data Protection Act 2010* yang digazetkan

pada 10 Jun 2010 selepas kausa tindakan yang dikatakan oleh plaintif diwujudkan tetapi tidak dipakai terhadap defendan untuk kes ini (guaman sivil kedua). Pada masa kausa tindakan plaintif yang dikatakan ditimbulkan (*as alleged*), Akta-akta tersebut tidak wujud. Sekiranya tuntutan plaintif timbul selepas tarikh Akta-akta tersebut berkuat kuasa, kemungkinan plaintif boleh merujuk kepada Akta-akta tersebut tertakluk kepada fakta-fakta, keadaan kes, jenis kausa tindakan dan tafsiran yang akan diberikan kepada peruntukkan-peruntukkan dalam Akta-akta tersebut.

(13)Oleh yang demikian, tomahan-tomahan atau tuntutan plaintif mengenai isu kecuaian dan pencerobohan privasi plaintif atau defendan dikatakan menjalankan perniagaan tanpa lesen dibawah Akta Agensi Persendirian 1971 (*Private Agencies Act 1971*) tidak terpakai terhadap defendan di atas fakta-fakta dan keadaan sekeliling seperti dalam kes di hadapan mahkamah ini. Selain daripada perkara-perkara tersebut, mahkamah ini mendapati setelah melihat dan mendengar keterangan plaintif khususnya, cara plaintif memberi keterangan kepada jawapan dalam pemeriksaan balas, keterangan beliau diragui dan kredibiliti plaintif amat dipersoalkan. Mahkamah ini mendapati bahawa plaintif adalah seorang litigan yang cuba memperkayakan (*enrich*) diri beliau dengan memfailkan dua tindakan berasingan dengan menuntut dua kali ganda melalui dua tindakan berasingan di mana telah didaftarkan di dua mahkamah berlainan dengan tujuan menuntut dua kali ganda ganti rugi yang kononnya merupakan dan memberi gambaran seolah-olah tuntutan adalah berlainan di atas perkara-perkara yang sama dan hampir sama. Sebenarnya, tuntutan seperti dalam guaman sivil kedua jika berasas patut dimasukkan dan defendan juga dinamakan sebagai salah satu pihak dalam guaman sivil pertama supaya terdapat satu bicara sahaja terhadap kesemua pihak yang dikatakan terlibat dalam perkara yang sama atau hampir sama seperti dituntut dalam guaman sivil kedua.

(14)Di atas alasan-alasan tersebut sahaja, *doktrin res judicata* atau *estoppel* terpakai terhadap kes plaintif. Seterusnya, mahkamah ini tidak patut melayan tuntutan plaintif seperti di guaman sivil kedua kerana plaintif menyalahguna proses mahkamah dan tuntutan plaintif harus ditolak. Dalam kes *3 Morr, 257,* Lor Esher MR berkata di ms 259:

> There is a rule, and it is a very wholesome rule, that the court will not allow its process to be used to do indirectly that which the process of the court will not allow to be done directly.

(15)Seperti dinyatakan di atas, bagi isu estoppel/res judicata,mahkamah ini bersetuju bahawa doktrin res judicata atau estoppel dipakai terhadap tuntutan plaintif (rujuk kes *Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 3 MLJ 331; [1995] 4 CLJ

283, *Malayan United Finance Bhd v Noormurni Sdn Bhd & Anor* [1988] 1 MLJ 395; [1988] 1 CLJ (Rep) 190, *Mensa Mercantile (Far East) Pte Ltd v Eikobina (M) Sdn Bhd & Ors* [1991] 2 MLJ 258; [1991] 3 CLJ (Rep) 287, *Restoran Keluarga Sdn Bhd v Mutual Empire Sdn Bhd* [2011] MLJU 145; [2011] 1 LNS 23, *Seruan Gemilang Makmur Sdn Bhd v Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang Darul Makmur (via his secretary Dato' Ahmad Tajudin bin Sulaiman)* [2010] 8 MLJ 57; [2009] 1 LNS 1457, *The Board of Trustees of the Sabah Foundation & Anor v Zara Sdn Bhd* [2010] 7 MLJ 653, *Teo Seng Chiang v Asia Commercial Finance (M) Bhd* [2009] 1 CLJ 113, *Daya Bersama Sdn Bhd v Suruhanjaya Syarikat Malaysia & Ors* [2008] 7 MLJ 228, *Jasa Keramat Sdn Bhd & Anor v Monatech (M) Sdn Bhd* [1999] 4 MLJ 637, *Chemfert Sdn Bhd & Anor v Lim Hua* [2010] 5 MLJ 228; [2010] 7 CLJ 491).

(16) di antara relief-relief yang dituntut oleh plaintif dalam kes ini, guaman sivil kedua adalah:

(i) ganti rugi khas sebanyak RM186;

(ii) ganti rugi am;

(iii) ganti rugi tauladan;

(iv) ganti rugi melampau; dan

(v) Kos.

(iii) Dalam butir-butir kerugian bagi ganti rugi khas, dalam guaman sivil kedua ini plaintif menuntut seperti berikut:

(i) Kos carian Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur RM28;

(ii) Kos carian di Mahkamah Tinggi Melaka RM8;

(iii) Kos pengangkutan (termasuk tol) bagi membuat carian di Mahkamah Tinggi Melaka RM150;

(iv) Jumlah RM186.

Ganti rugi am

(iv) Manakala relief-relief yang dituntut dalam guaman sivil pertama plaintif juga menuntut ganti rugi khas seperti berikut:

(i) Kos carian Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur RM28;

(ii) Kos carian di Mahkamah Tinggi Melaka RM8;

(iii) Kos pengangkutan (termasuk tol) bagi membuat carian di Mahkamah Tinggi Melaka RM150;

(iv) Jumlah RM186.

(v) Plaintif juga menuntut ganti rugi tauladan dan ganti rugi melampau. A

(17) Seterusnya, mahkamah ini berpendapat apabila meneliti dan membaca kedua-dua pernyataan tuntutan dalam kedua-dua guaman sivil dan relief-relief yang dipohon oleh plaintif, iaitu tuntutan di guaman sivil pertama dan tuntutan terpinda di guaman sivil kedua, hakikatnya adalah untuk mendapat ganti rugi walaupun plaintif memilih untuk mengasingkan kausa tindakan plaintif melalui dua tindakan guaman sivil yang berasingan. Plaintif tidak boleh menafikan bahawa asas perkara dari akar umbi (*basis of the subject matter and the root cause*) dalam kedua-dua guaman sivil tersebut adalah berdasarkan kepada pemfailan notis kebankrapan tersebut dan iklan oleh AmBank Bhd melalui peguamcaranya di surat khabar *Berita Harian* pada 9 Ogos 2004 (D10) secara salah dan tidak sah di mana pada tarikh pengiklanan diterbitkan, penghakiman yang diberikan terhadap plaintif pada 15 September 1999 oleh Mahkamah Sesyen, Melaka telah pun diketepikan oleh Mahkamah Tinggi Melaka pada 13 Mac 2000 dalam rayuan oleh plaintif. Seterusnya, akibat tindakan tersebut oleh AmBank Bhd dan peguamcaranya, plaintif dikatakan mengalami kerugian di mana plaintif telah pun diawardkan ganti rugi dalam guaman sivil pertama. B C D E

(18) Oleh itu, mahkamah ini ingin menegaskan bahawa sekiranya plaintif ingin menuntut ganti rugi terhadap defendan, plaintif patutnya memasukkan defendan sebagai salah seorang pihak dalam guaman sivil pertama, supaya liabiliti dan tuntutan-tuntutan dan relief-relief plaintif dapat diputuskan dalam satu bicara dan dalam satu tuntutan iaitu dalam tuntutan guaman sivil pertama. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa pada masa plaintif memfailkan tindakan guaman sivil pertama pada 11 Ogos 2005, plaintif bebas dan mungkin mempunyai hak sama ada ingin memailkan sebarang tindakan terhadap defendan seperti di guaman sivil kedua yang terlibat perkara-perkara (*subject matter*) yang sama atau hampir sama atau kausa tindakan yang hampir sama melainkan butir-butir kecuaian, di mana masih boleh pada masa itu dimasukkan dan diplidkan dalam guaman sivil pertama. Seterusnya, di sini adalah wajar untuk menyatakan sekali lagi bahawa plaintif tidak pada bila-bila masa memaklumkan kepada mahkamah ini mengenai tindakan guaman sivil pertama sehingga perkara ini ditimbulkan dalam pemeriksaan balas plaintif oleh peguam yang bijaksana bagi defendan dan sehingga peguamcara defendan memohon kepada mahkamah untuk mengemukakan pliding guaman sivil pertama dalam perbicaraan ini supaya semua perkara-perkara yang sebenarnya berada di hadapan mahkamah demi keadilan dan supaya keadilan dicapai dan supaya mahkamah membuat keputusan yang adil. Seterusnya dan seperti dinyatakan terlebih dahulu, pliding dalam guaman sivil pertama telah dikemukakan dalam perbicaraan ini dan ditandakan D24. F G H I

(19) Mahkamah ini berpuas hati bahawa defendan tidak bertanggungjawab untuk menyiasat atau membuat inkuiri dan memastikan bahawa maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd kepada defendan dan dimasukkan dalam pangkalan data defendan terhadap notis kebankrapan tersebut adalah benar. Pada masa tersebut atau pada bila-bila masa defendan tidak sedar atau mempunyai maklumat bahawa notis kebankrapan tersebut yang dikeluarkan oleh AmBank Bhd adalah salah dan tidak sah kerana AmBank Bhd yang memaklumkan kepada defendan dan maklumat tersebut dimasukkan dalam pangkalan data defendan. Maklumat tersebut diberikan oleh AmBank Bhd sebagai pemiutang penghakiman (*judgment creditor*). Tugas defendan adalah hanya untuk memasukkan maklumat tersebut di pangkalan data di mana pelanggan-pelanggan defendan seperti bank-bank yang tertentu dapat mengambil semula (*retrieve*) maklumat-maklumat tersebut daripada pangkalan data defendan mengenai seorang pelanggan bank dan defendan dengan jelas mencatatkan dalam segala surat-surat dan dokumen defendan kepada bank-bank bahawa bank-bank tersebut perlu menjalankan siasatan atau inkuiri lebih lanjut kerana maklumat-maklumat yang didapati daripada pengkalan data bukanlah maklumat muktamad. Walau bagaimanapun maklumat yang diberikan kepada bank-bank melalui format defendan dengan jelas dalam tajuk 'Important' di D30, D40, D42, D44 dan D45 berkata:

INFORMATION PROVIDED FOR ENQUIRY:

'IMPORTANT:

This report is confidential. Reproduction is prohibited. Report only indicates the information was published in the relevant source. It is NOT intended as confirmation of the 'current status' of the case. For the case's current status, your further probe with the relevant parties is required'. In cases of 'NAME MATCH' or 'ALIAS MATCH', you should seek an entity confirmation from the relevant parties. Any judgement, order or action where indicated, should have subsequently been settled, quashed, rescinded, revoked, set aside, annulled, struck off or dismissed. Please check with relevant parties.

SECTION A: IDENTITY NUMBER VERIFICATION

'The above verification is match against a huge collection of Malaysian I/Cs which are independent of any I/Cs that may appear in other sections of this report Although normally reliable, they are NOT FREE from errors. Therefore, it can only be used as a guide. Should the above verification conflict with your input, please make further verification with the relevant authorities. If indeed the information provided here is incorrect, please inform CTOS at Tel: 03-27708833 (I/C verification Department)

Rujuk juga kepada Report and Information Guide (D30) khususnya dibawah tajuk 'ALWAYS REMEMBER' dan dibawah kolum disebelah kiri D30 seperti berikut:

(1) CTOS system does not confirm the current status of the case

(2) Never decline/ reject a case outright-make further enquiries

(3) Don't pronounce everyone a bankrupt the CTOS system provides more than bankruptcy data

(4) Information disclosure to customers

(5) Searches for customers are strictly prohibited

(6) Use at your own risk

(7) CTOS is not a replacement for official assignee seach

(20) Mahkamah ini mendapati bahawa tidak ada keterangan yang dikemukakan bahawa bank-bank iaitu Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank telah bergantung sepenuhnya di atas maklumat yang didapati daripada pangkalan data defendan (*there is no evidence produced that the banks had relied solely on the information retrieved from the defendant's database*). Mahkamah ini juga mendapati tidak ada keterangan bahawa bank-bank tersebut telah memaklumkan kepada mahkamah bahawa mereka akan bergantung sepenuhya di atas maklumat-maklumat yang didapati daripada pangkalan data defendan untuk memutuskan sebarang permohonan untuk kemudahan atau kredit kewangan daripada pelanggan-pelanggannya. Mahkamah ini juga berpendapat bahawa hanya sangkaan bahawa bank-bank mungkin bergantung di atas maklumat-maklumat yang didapati daripada pangkalan data defendan tidak mengenakan sebarang tanggungjawab terhadap defendan atau tugas tanggungjawab kepada bank-bank atau plaintif. Walau bagaimanapun sekiranya didapati defendan secara jelas dimaklumkan bahawa bank-bank tersebut akan bergantung di atas maklumat-maklumat yang didapati daripada pangkalan data defendan dan defendan juga ingin bahawa bank-bank tersebut, patut bergantung di atas maklumat-maklumat yang didapati daripada pangkalan data defendan, dalam keadaan tersebut kemungkinan defendan bertanggung kepada bank-bank dan/atau plaintif untuk memungkiri di mana defendan boleh dikatakan bertanggung liabili (*there is no evidence that the banks had informed the defendant that they would rely solely on the information retrieved by them from the defendant's database in order to determine an application for loan or credit facilities from a customer. Mere foreseeability that the banks may rely on the information retrieved from the defendant's database does not impose on the defendant a duty of care to the banks or even the defendant However, if the defendant is expressly made aware that the banks will be relying on the information retrieved from the*

defendant's data base and the defendant intends that the bank should rely on the said imformation, in those circumstances, the defendant may be under duty of care and/or arguably for breach on which the defendant may be liable) (rujuk kes *Galoo Ltd (in liquidation) v Bright Grahame Muray (a firm)* [1994] 1 WLR 1360, di ms 1381–1382, 1388, *Morgan Crucible Co Plc v Hill Samuel & Co Ltd and others* [1991] Ch 295 di ms 318, 320A).

(21) Sebenarnya Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank dan mana-mana bank yang memperolehi maklumat tersebut terhadap pelanggan-pelanggan daripada pangkalan data defendan patut menyiasat dengan lebih terperinci dan mengadakan temujanji dengan pelanggan-pelanggan termasuk plaintif sebelum membuat keputusan terhadap sesuatu permohonan daripada seorang pelanggan termasuk plaintif, sama ada pelanggan layak untuk mendapatkan kemudahan pinjaman atau kemudahan kredit atau pembiayaan peribadi berdasarkan kepada maklumat yang bank-bank telah 'retrieve' daripada pangkalan data defendan. Seperti yang dinyatakan di atas maklumat tersebut dimaklumkan oleh AmBank Bhd kepada defendan dan AmBank Bhd adalah pelanggan (*subscriber*) defendan. Sebenarnya, semakan atau inkuiri boleh dibuat di bahagian maklumat Bank Negara dan ini diakui oleh saksi-saksi plaintif dari bank dan bank-bank tidak sepatutnya bergantung kepada maklumat yang didapati daripada pangkalan data defendan. Dalam kes di hadapan mahkamah ini didapati satu notis kebankrapan tersebut yang dikeluarkan terhadap seorang pelanggan, seperti plaintif yang didapati daripada pangkalan data defendan, di mana maklumat tersebut telah pun diiklankan di surat khabar *Berita Harian* pada 9 Ogos 2004 dan defendan juga sebagai perlindungan bagi defendan telah mencatatkan amaran dalam format defendan di bawah tajuk 'Important' terhadap maklumat yang didapati daripada pangkalan data defendan. Sebaliknya, tidak ada sebarang pembetulan dibuat oleh AmBank Bhd atau peguamcaranya di surat khabar sebaik sahaja AmBank Bhd atau peguamcaranya menyedari bahawa notis kebankrapan yang dikeluarkan dan pengiklanan yang dibuat di surat khabar adalah salah dan tidak sah. Sekiranya AmBank Bhd telah mengambil tindakan seperti tersebut dan pembetulan dilakukan di surat khabar kemungkinan dan *arguably* boleh dikatakan defendan patut menjalankan inkuiri dan mendapatkan kepastian daripada AmBank Bhd sama ada maklumat tersebut masih perlu disimpan dalam pangkalan data atau boleh dikeluarkan atau membuat pembetulan atau mengemaskini maklumat tersebut tetapi keadaan kes plaintif di guaman sivil kedua bukanlah keadaan seperti tersebut.

(22) Walau bagaimanapun dalam kes di hadapan mahkamah ini, adalah jelas dan didapati daripada peringkat kes di hadapan mahkamah ini, bahawa:

(a) Bank Islam, Bank Rakyat dan/atau Maybank telah menolak

permohonan plaintif untuk kemudahan pinjaman dan tidak memberi pertimbangan sama sekali bukan sahaja di atas maklumat yang diperolehi daripada pangkalan data defendan tentang notis kebankrapan seperti yang dimaklumkan oleh AmBank Bhd sendiri kepada defendan, tetapi plaintif sendiri tidak memberi dan tidak mahu memaklumbalas atau memaklumkan kepada Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank (rujuk ekshs P1, P2, P3 dan P4) bahawa:

(i) Pertama, penghakiman yang diberikan terhadap plaintif pada 15 September 1999 telah diketepikan oleh Mahkamah Tinggi Melaka pada 13 Mac 2000. Notis kebankrapan tersebut yang dikeluarkan oleh AmBank Bhd melalui peguamcaranya adalah salah atau di atas kecuaian AmBank Bhd dan peguamcaranya, Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co.

(ii) Kedua, plaintif tidak menggunakan peluang yang dipunyai untuk merayu kepada bank-bank tersebut terhadap penolakan oleh bank-bank tersebut. Plaintif juga tidak mahu membuat rayuan dan tidak mahu memaklumkan kepada bank-bank tersebut mengenai perkara yang sebenar untuk bank-bank tersebut dapat mengkaji semula atau memberi pertimbangan semula kepada permohonan plaintif dan memberi kelulusan ke atas rayuan oleh plaintif. Sekiranya plaintif telah membuat rayuan kepada bank-bank tersebut dan memaklumkan mengenai perintah Mahkamah Tinggi Melaka pada 13 Mac 2000 dan bahawa notis kebankrapan tersebut sepatutnya tidak dikeluarkan dan diiklankan pada 9 Ogos 2004 dan itu telah dilakukan di atas kesalahan atau kecuaian AmBank Bhd dan peguamcaranya, Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co, di mana kesilapan diakui oleh AmBank Bhd, ada kemungkinan besar permohonan plaintif untuk kemudahan kewangan tersebut akan diberi pertimbangan sewajarnya dan diluluskan tetapi perkara ini tidak dilakukan dan tidak dielakkan (*eliminate*) oleh plaintif. Malangnya, plaintif langsung tidak mahu menggunakan hak atau peluang beliau untuk merayu terhadap penolakan tersebut oleh Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank dan membiarkan perkara ini dan berdiam diri dan menyalahkan pihak-pihak lain di atas sikap plaintif di mana atas fakta-fakta, latar belakang dan keadaan sekeliling, tindakan plaintif adalah tidak munasabah di atas keseluruhan keterangan. Seterusnya, plaintif cuba mendapatkan ganti rugi dua kali ganda.

(iii) Plaintif juga mengakui dan didapati tidak mempunyai sebab-sebab yang kukuh dan tertentu untuk keperluan

kemudahan pinjaman pada masa beliau memohon kepada bank-bank tersebut Oleh itu, tidak ada apa-apa kerugian yang boleh dikatakan dialami oleh plaintif di mana tidak boleh dikatakan hak plaintif dinafikan untuk mendapatkan apa-apa faedah atau kemudahan sekiranya kemudahan pinjaman atau kredit tersebut tidak diluluskan (rujuk kes *Kapt (B) Hj Mohamad bin Ismail v Perwira Affin Bank Bhd* [2001] 5 MLJ 101; [2001] 5 CLJ 184, *Majlis Agama Islam Pulau Pinang & Seberang Perai v Katijah Yoan & Ors* [2010] 4 CLJ 592, *Bekalan Sains P&C Sdn Bhd v Bank Bumiputra Malaysia Bhd* [2011] 5 MLJ 1; [2011] 4 AMR 101) Sebenarnya, didapati plaintif mencuba menggunakan tindakan beliau berdiam diri dan kegagalan beliau (*by deliberately keping silent*) untuk menyembunyikan perkara sebenarnya daripada bank-bank tersebut dan cuba menuntut ganti rugi dua kali ganda dalam dua tindakan berlainan, di mana adalah salah, tidak dibenarkan dan satu penyalahgunaan proses mahkamah.

(iv) Mahkamah ini ingin menegaskan dan adalah penting untuk menyatakan disini bahawa kes di hadapan mahkamah ini bukan suatu keadaan di mana tuntutan atau kausa tindakan plaintif di guaman sivil kedua hanya jelas kelihatan (*apparent*) selepas kes di guaman sivil pertama difailkan atau diselesaikan atau plaintif tidak mempunyai peluang atau tidak mungkin untuk memasukkan tuntutan plaintif di guaman sivil kedua dalam guaman sivil pertama. Sekiranya plaintif adalah dalam keadaan tersebut, boleh dikatakan secara biasa (*ordinarily*) tidak mungkin tuntutan plaintif seperti di guaman sivil kedua adalah satu tuntutan di mana plaintif telah sedar dan mempunyai kausa tindakan (tertakluk pembuktian) sejak guaman sivil pertama difailkan atau sebelum difailkan. Malangnya kedudukan dan keadaan kes plaintif bukan dalam satu keadaan khas yang boleh membenarkan plaintif memfailkan guaman sivil kedua. di atas sebab-sebab dan keadaan sekeliling kes ini, mahkamah ini berpuas hati bahawa plaintif memang sedar dan mempunyai peluang bahawa tuntutan plaintif dalam guaman sivil kedua boleh dan patut dimasukkan dalam guaman sivil pertama dan defendan juga dinamakan sebagai salah satu pihak dalam guaman sivil pertama. Mahkamah ini juga berpuas hati bahawa ganti rugi yang dituntut oleh plaintif dalam kedua-dua guaman sivil adalah sama atau hampir sama *(similarity to the damages claimed in this* guaman svil kedua

and the award made in the guaman sivil pertama *shows that there is conserted action towards the common end*).

(v) Oleh itu, mahkamah ini mendapati bahawa tidak ada sebarang keadaan khas untuk plaintif memfailkan dua tindakan terhadap kedua-dua pihak di mana tuntutan seperti di guaman sivil kedua patut dimasukkan dalam guaman sivil kedua dan defendan dinamakan sebagai salah satu pihak atau plaintif tidak patut memfailkan sebarang tindakan terhadap defendan.

(vi) Plaintif tidak boleh menyalahkan sesiapa atau defendan atau bank-bank yang menolak permohonan beliau untuk kemudahan apabila plaintif sendiri di atas sikapnya tidak mahu menggunakan peluang dan haknya untuk membuat rayuan kepada bank-bank tersebut. Sebenarnya semasa penolakan permohonan plaintif untuk kemudahan pinjaman oleh Bank Islam, Bank Rakyat dan Maybank berlaku itu adalah di antara plaintif dan bank-bank tersebut iaitu sebagai pelanggan dan bank. Oleh itu, dan oleh sebab plaintif mempunyai hak dan peluang untuk merayu dan maklumkan kepada bank-bank tersebut mengenai perkara yang sebenarnya tetapi plaintif tidak mahu dan tidak mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk membetulkan kedudukan sebenarnya, plaintif tidak boleh menyalahkan sesiapa termasuk bank-bank atau defendan. Plaintif sepatutnya bersedia untuk menerima akibatnya di mana plaintif patut bertanggungjawab terhadap kecuaian beliau sendiri dan sikap degil di mana plaintif tidak mahu memaklumkan kepada bank-bank tersebut tentang perkara sebenarnya.

(vii) Plaintif juga mengakui bahawa beliau tidak mahu memaklumkan kepada defendan untuk membetulkan kedudukan sebenar-benarnya tentang notis kebankrapan, di mana penghakiman telah diketepikan sejak awal-awal pada 13 Mac 2000, walaupun mendapati notis kebankrapan tersebut tidak sepatutnya diwujudkan dan tidak harus dikeluarkan oleh AmBank Bhd dan adalah salah kerana penghakiman bertarikh 15 September 1999 telah pun diketepikan oleh Mahkamah Tinggi Melaka pada 13 Mac 2000. Plaintif berdegil dan menyatakan bahawa beliau tidak perlu memaklumkan kepada defendan untuk mengambil tindakan supaya butir-butir tentang notis kebankrapan tersebut terhadap plaintif dikemaskini di atas alasan plaintif tidak perlu dan tidak bertanggungjawab untuk

memaklumkan kepada defendan atau bank-bank tersebut. Plaintif adalah seorang yang terpelajar dan mempunyai jawatan sebagai seorang pensyarah. Plaintif patut pada bila-bila masa lebih peka (*vigilant*) dan cekap dan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk membantu bank-bank tersebut sekiranya plaintif memang dan benar-benar memerlukan kemudahan kewangan atau kemudahan kredit supaya permohonan plaintif untuk mendapatkan kemudahan kewangan dapat diberi pertimbangan sewajarnya. Malangnya plaintif langsung tidak mahu menggunakan secara baik hak dan peluang yang beliau ada pada semua masa material.

(viii) Selain daripada perkara-perkara tersebut dia atas, plaintif juga tidak mahu mengambil langkah-langkah untuk memastikan *notis pemberhentian bertarikh 26 Ogos 2005* dalam prosiding Kebankrapan No 29–5278 Tahun 2003 untuk RM150,529.95 difailkan di Mahkamah Tinggi oleh peguamcara AmBank Bhd secepat mungkin atau serta-merta. Notis pemberhentian tersebut telah ditandatangani oleh peguamcara pemiutang penghakiman iaitu Tetuan Abdul Aziz Rahim & Co, pada seawal-awalnya dan walaupun plaintif telah mempunyai peluang untuk mengambil langkah-langkah supaya memastikan notis pemberhentian bertarikh 26 Ogos 2005 (D11 dan D21) difailkan lebih awal dan serta-merta tetapi tidak mengambil tindakan sewajarnya dan notis pemberhentian bertarikh 26 Ogos 2005 tersebut hanya difailkan lebih kurang dua bulan kemudian pada 21 Ogos 2005. Plaintif juga tidak mahu menunjukkan dalam perbicaraan ini tarikh bila notis pemberhentian tersebut difailkan dalam Kebankrapan No 29–5278 Tahun 2003 di Mahkamah Tinggi dan mengemukakan salinan notis pemberhentian bertarikh 26 Ogos 2005 *(P5 (D11)) tanpa catitan tarikh pemfailan.* Seterusnya, defendan mengambil langkah untuk menunjukkan kepada mahkamah ini perkara sebenarnya dan mengemukakan resit rasmi mahkamah yang menunjukkan, pemfailan adalah pada 21 Oktober 2005 (D11) dan salinan notis pemberhentian tersebut mengandungi cop penerimaan oleh mahkamah pada 21 Oktober 2005 (D21).

(ix) Ini adalah satu kes di mana plaintif mempunyai banyak peluang untuk memohon dan memastikan bahawa beliau mendapat kemudahan pinjaman/kredit daripada bank-bank tersebut. Malangnya, plaintif berdiam diri dan tidak mahu mengambil sebarang langkah-langkah yang munasabah atau

memberi kerja sama dengan bank-bank tersebut dengan memberi maklumat yang sebenarnya supaya bank-bank tersebut boleh membantu plaintif dan meluluskan permohonan untuk kemudahan pinjaman/kredit. Sebaliknya plaintif cuba menyalahkan pihak-pihak lain. Seorang seperti plaintif iaitu seorang pensyarah mempunyai banyak peluang untuk mengelakkan sebarang perkara yang dikatakan memalukan dan membawa ketidakselesaan kepada plaintif seperti diplidkan di guaman sivil kedua dengan mengambil langkah-langkah yang munasabah. Di atas tingkah laku tersebut, plaintif tidak boleh mendapat sebarang bantuan dari mahkamah ini melainkan bersedia untuk menerima segala tanggungjawab ke atas diri beliau bagi sebarang akibat yang dikatakan timbul atau dialami oleh plaintif.

(23)Seperti yang dikatakan di atas tidak ada keterangan yang kukuh atau memuaskan untuk mengatakan defendan mengetahui atau mempunyai pengetahuan bahawa maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd melalui surat bertarikh 10 Disember 2003 (D8a–b) adalah tidak benar atau penghakiman telah diketepikan pada masa bank-bank tersebut dapat mengambil semula (*retrieve*) maklumat terhadap notis kebankrapan daripada pangkalan data defendan. Di sini adalah juga penting untuk menyatakan bahawa:

(i) Pertama, tidak ada keterangan yang mencukupi atau di atas imbangan kebarangkalian bahawa surat bertarikh 6 September 2005 dan 7 September 2005 (P4 dan P7) yang dikatakan dihantar kepada defendan oleh AmBank Bhd telah dihantar kepada defendan melainkan plaintif mengemukakan satu salinan surat-surat tersebut;

(ii) kedua, tidak ada keterangan bilakan surat-surat tersebut dihantar kepada defendan;

(iii) ketiga, tidak ada keterangan secara apakah surat tersebut dihantar kepada defendan; dan

(iv) keempat, siapa yang khususnya bertanggungjawab untuk hantar surat tersebut kerana saksi plaintif ('SP4') tidak ada pengetahuan sendiri tentang penghantaran surat walaupun beliau yang menandatangani surat tersebut Keterangan SP4 juga tidak membantu kes plaintif dan meninggalkan banyak ruang yang patut diisikan tetapi tidak dilengkapkan.

(24)Sebaliknya dan sekiranya (*for the sake of argument*) terdapat bukti surat-surat tersebut telah dihantar kepada defendan, di mana tidak ada buktinya, defendan telah mencabar saksi plaintif (SP4) bahawa surat tersebut sebenaraya tidak dihantar kepada defendan. Dalam keadaan

tersebut, adalah tugas plaintif untuk membuktikan bahawa surat-surat tersebut (P4 dan P7) telah dihantar oleh AmBank Bhd atau diterima oleh defendan dengan sekurang-kurangnya memanggil atau mengecamkan pekerja atau pegawai di bahagian tertentu dari AmBank Bhd yang bertanggungjawab menghantar surat tersebut. Oleh itu dan apabila terdapat cabaran bahawa surat-surat tersebut tidak dihantar kepada defendan dan tidak diterima dan tidak ada bukti surat-surat tersebut diterima oleh defendan, adalah tugas plaintif atau saksi plaintif SP4 untuk mengemukakan keterangan yang mencukupi atas imbangan kebarangkalian bahawa surat-surat tersebut sebenaraya telah dihantar kepada defendan. Bagi isu tersebut, didapati keterangan SP4 adalah tidak memuaskan, keterangannya adalah dengar cakap dan tidak boleh diterima. Lebih-lebih lagi SP4 mengaku bahawa kadang-kadang ada juga surat dari AmBank Bhd tidak dihantar kepada pelanggan walaupun sepatutnya dihantar.

(25)Sebenarnya, apa yang dihantar dan diterima oleh defendan adalah surat bertarikh 2 Mac 2007 (D9) yang meminta defendan untuk mengemaskini rekod defendan. Surat bertarikh 2 Mac 2007(D9) adalah surat untuk membalas surat bertarikh 27 Februari 2007 (D38) daripada defendan kepada AmBank Bhd, di mana defendan memaklumkan kepada AmBank Bhd bahawa defendan tidak ada rekod menerima surat bertarikh 6 September 2005 atau 7 September 2005 yang dikatakan di keluarkan oleh AmBank Bhd. Dalam surat bertarikh 2 Mac 2007 yang difaxkan kepada defendan, AmBank Bhd tidak menafikan dan tidak menegaskan bahawa AmBank Bhd telah menghantar surat-surat tersebut kepada defendan walaupun defendan ada meminta AmBank Bhd untuk mengesahkan bahawa surat bertarikh 7 September 2005 telah dihantar oleh AmBank Bhd. Sebaliknya, boleh dikatakan AmBank Bhd menerima jawapan defendan bahawa defendan tidak menerima surat bertarikh 6 September 2005 dan 7 September 2005. AmBank Bhd tidak pada bila-bila masa menafikan kandungan surat bertarikh 27 Februari 2007 (D38) dan surat bertarikh 17 Mac 2007 (D41) bahawa AmBank Bhd tidak menghantar surat-surat tersebut kepada defendan walaupun terdapat peluang untuk menyatakan sedemikian melalui surat 2 Mac 2007 (D9) atau membalas surat bertarikh 17 Mac 2007 (D41). Di sini adalah penting untuk menyatakan SP4 sendiri mengakui bahawa AmBank Berhad tidak menegaskan atau menyatakan dalam surat D9 atau melalui apa-apa surat bahawa surat-surat di P4 atau P7 telah dihantar kepada defendan. Malangnya, SP4 cuba mengatakan diperbicaraan ini iaitu selepas lebih kurang enam Tahun (walaupun SP4 bukan pihak yang bertanggungjawab untuk menghantar surat-surat tersebut) bahawa surat-surat tersebut telah dihantar daripada ingatan beliau tetapi tidak mengemukakan sebarang keterangan untuk menyokong keterangan tersebut di mana telah dinafikan dan dicabar

oleh defendan. Sekiranya kedua-dua surat bertarikh 6 Julai 2005 dan 7 September 2005 telah dihantar kepada defendan di mana penerimaan dinafikan oleh defendan dan tidak ada bukti surat-surat tersebut telah dihantar kepada defendan, AmBank Bhd masih tidak dapat melalui saksi plaintif SP4 membuktikan atau menegaskan surat-surat tersebut memang telah dihantar, bilakah tarikh dan secara apakah penghantaran berlaku walaupun perkara ini adalah penting dan telah dicabar dengan tegas oleh defendan melalui pemeriksaan balas.

(26)Dalam kes ini, adalah penting untuk menyatakan sekiranya defendan ada menerima surat-surat bertarikh 6 September 2005 dan 7 September 2005, di mana defendan menafikan dan tidak dibuktikan, tidak ada apa-apa sebab yang diberitahu oleh plaintif dalam perbicaraan ini mengapa defendan masih mahu menyimpan atau mengekalkan butir-butir notis kebankrapan tersebut dalam pangkalan data. Tidak ada keterangan sama sekali bahawa tindakan defendan untuk menyimpan butir-butir notis kebankrapan tersebut dalam pangkalan data adalah dengan tujuan tidak baik (*mala fide*) di mana tidak ada keterangan. Walau bagaimanapun, defendan telah mengemaskini butir-butir notis kebankrapan tersebut terhadap plaintif di pangkalan data setelah menerima surat bertarikh 2 Mac 2007 (D9) daripada AmBank Bhd. Mahkamah ini juga berpendapat bahawa tidak perlu untuk defendan memanggil Encik Brian Tan sebagai saksi kerana tidak ada keterangan bahawa surat ini dialamatkan kepada Encik Brian Tan atau terdapat bukti Encik Brian Tan yang menerima surat tersebut (P7). Apa yang terdapat daripada surat tersebut adalah AmBank Bhd hanya mencatatkan disurat tersebut untuk perhatian Encik Brian Tan. Surat tersebut tidak dialamatkan kepada Encik Brian Tan tetapi kepada defendan. SP4 juga tidak boleh memberi penjelasan kenapa surat tersebut dihantar untuk perhatian Encik Brian Tan kerana beliau tidak berurusan dengan Encik Brian Tan. Pendek kata tidak ada sebarang penjelasan dari AmBank Bhd kenapa surat dihantar untuk perhatian Encik Brian Tan dan bukan kepada DW1 bagi defendan. Oleh itu, mahkamah ini berpendapat peruntukkan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak timbul dan tidak perlu dibangkitkan terhadap defendan seperti dihujahkan oleh peguam plaintif. Sebaliknya s 114(g) Akta Keterangan 1950 patut dibangkit atau terpakai terhadap plaintif untuk tidak mengemukakan keterangan yang mencukupi bahawa surat-surat tersebut telah dihantar kepada defendan di mana AmBank Bhd mempunyai peluang untuk memanggil pegawai atau kakitangan yang sebenarnya telah menghantar surat-surat tersebut.

(27)Mahkamah ini mendapati bahawa tidak ada apa-apa keterangan yang mencukupi atau memuaskan mahkamah ini sekurang-kurangnya, sama ada untuk mahkamah dapat membuat andaian (*to draw inferences*) yang memihak plaintif. Keterangan plaintif dan saksi-saksi plaintif adalah

kurang memuaskan, lemah dan langsung tidak membantu atau menyokong tuntutan plaintif. Sebaliknya keterangan saksi-saksi plaintif telah menimbulkan keraguan dan jurang yang material di mana tuntutan plaintif adalah tidak berasas dari segi fakta dan undang-undang terhadap defendan. Seterusnya tidak ada sebarang keterangan di atas imbangan kebarangkalian bagi memihak tuntutan plaintif atau kausa tindakan terhadap defendan.

(28)Keterangan yang dikemukakan dalam kes ini menunjukkan bahawa AmBank Bhd yang telah memberikan maklumat terhadap notis kebankrapan tersebut kepada defendan. AmBank Bhd juga memberi akujanji untuk mengemaskini (*update*) maklumat tersebut kepada defendan. Malangnya, defendan hanya menerima surat bertarikh 2 Mac 2007 (D9) daripada AmBank Bhd yang melampirkan salinan surat-surat bertarikh 6 September 2005 dan 7 September 2005.

Rujuk surat bertarikh 6 September 2005 dari AmBank Bhd kepada CTOS Bhd:

Your ref:

Our ref: 52-1561-98 SESYEN COURT

MELAKA

D3-29-5278-2003 HIGH COURT MELAKA

(2-0401-711383-6)

AmBank

Collection Liason Office

(Region 3- Melaka)

154 & 156,1st Floor

Kompleks Munshi Abdullah

Jalan Munshi Abdullah

75100 Melaka

Tel (606)282 3360

(606)2849227 Fax (606) 286 3362

CTOS Sdn Bhd

Unit A-8-6, Phileo Promenade

No. 189, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Dear sirs,

CASE NO: Summons No: 52-862-1997 Kuala Lumpur High Court Bankruptcy No. D3-29-5278-2003

Re: MOHAMAD ZAID BIN JOHAN - I/C 6086893/ 610213-05-5063

We refer to the above matter and the advertisement in the Berita Harian newspaper dated 9.8.2004.

We wish to inform you that our counsel had inadvertently caused the advertisement to be published in the said newspaper. Our counsel had since withdrawn the bankruptcy proceeding against the abovenamed in the Kuala Lumpur High Court

We would be much obliged if your good office could clear the abovenamed from the CTOS lists

Yours faithfully,

For AmBank Berhad

Sgd

(Noor Ezam bin Hj Mohd Pii)

Head - CLO OFFICE

REGION 3, MELAKA

(29)Dalam keadaan tersebut apabila defendan menafikan menerima surat-surat (P4 dan P7) dari AmBank Bhd, adalah tugas AmBank Bhd untuk membuktikan:

(a) pertama, bilakah surat-surat tersebut (P4 dan P7) sebenarnya telah dihantar kepada defendan;

(b) kedua, melalui dan cara apakah surat-surat tersebut (P4 atau P7) dihantar kepada defendan sekiranya AmBank Bhd yang diwakili oleh SP4 ada menyatakan butir-butir maklumat-maklumat tersebut barulah mahkamah ini dapat membuat andaian (*inferences*) bahawa ada kemungkinan besar defendan ada menerima surat-surat tersebut (P4 atau P7). Malangnya, keterangan SP4 bagi AmBank Bhd adalah tidak memuaskan dan meninggalkan ruang mengenai ketiga-tiga perkara tersebut. Plaintif tidak boleh menggunakan keterangan SP4 bahawa biasanya surat dihantar secara pos biasa dan keterangan tersebut harus juga dipakai bagi surat tersebut. Sebenarnya, keterangan SP4 menunjukkan bahawa beliau sendiri tidak dapat memastikan butir-butir tersebut. Sebaliknya SP4 juga hanya membuat andaian kemungkinan surat-surat tersebut telah dihantar kepada defendan dan dinafikan oleh defendan, alasan itu sahaja tidak bermakna. Seterusnya, dan memandangkan defendan telah menerima surat bertarikh 2 Mac 2007 (D9) daripada AmBank Bhd yang dihantar

A kepada defendan (di mana tidak ada keterangan yang mencukupi bagaimana surat tersebut dihantar), alasan itu sahaja bukan bermakna bahawa defendan sepatutnya menerima surat bertarikh 6 September 2005 dan 7 September 2005. Di atas alasan-alasan tersebut, mahkamah ini tidak dapat membuat andaian bahawa B defendan memang dan patut telah menerima surat-surat tersebut seperti yang dihujahkan oleh peguam plaintif. Sekiranya mahkamah ini akan membuat andaian seperti dikehendaki dan dihujahkan oleh peguam plaintif ia akan *overstretch* andaian C tersebut di mana andaian hanya boleh dibuat berdasarkan kepada sebarang asas iaitu keterangan yang kukuh.

Dalam kes*Jones v Great Western Railway Company* [1930] 144 LT 194, Lord Macmillan berkata di ms 202:

D An inference in the legal sense is a deduction from the evidence, and if it is a reasonable deduction it may have the validity of proof.

Dalam kes *Caswell v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd* [1940] AC 152, Lord Wright berkata di ms 186–170:

E Inference must be carefully distinguished from conjecture or speculation. There can be no inference unless there are objective facts from which to infer the other facts which it is sought to establish. In some cases the other facts can be inferred with as much practical certainty as if they had actually been observed. In other cases the inference does not go beyond reasonable probability. But if there are no positive proved facts from which the inference F can be made, the method of inference fails and what is left is mere speculation or conjecture.

Dalam kes *Maharashtra State Board of Secondary & Higher Secondary Education v Gandhi & Ors* [1991] 2 SCC 716 di ms 748, Mahkamah Agung berkata:

G inference from the evidence and circumstances must be carefully distinguished from conjecture or speculation. The mind is prone to take pleasure to adopt circumstances to one another and even in straining them a little to force them to form parts of one connected whole. There must be evidence, direct or circumstantial, to deduce necessary inference in proof of H the facts in issue. There can be no inference unless there are objective facts directs or circumstantial from which to infer the other facts which it is sought to establish. In some cases the other facts can be inferred as much as practical as if they had been actually observed. In other cases the inferences do not go beyond reasonable probability. If there are no positive true facts, oral, I documentary or circumstantial from which the inference can be made, the inference fails and what is left is mere speculation or conjecture.

(30)Dalam isu yang sama bahawa defendan tidak menerima surat-surat tersebut daripada AmBank Bhd, dan plaintif dihalang (*estop*) untuk

memfailkan guaman sivil kedua, adalah penting untuk menyatakan disini, bahawa:

(a) pertama, tugas untuk memaklumkan defendan mengenai sebarang perkembangan terbaru terhadap notis kebankrapan tersebut adalah diletakkan di atas tanggungjawab AmBank Bhd yang memberikan maklumat tersebut melalui surat tersebut 10 Disember 2003 (D8a–b) kepada defendan;

(b) kedua, AmBank Bhd telah memberi akujanji melalui surat bertarikh 10 Disember 2003 (D8a–b) untuk mengemaskini (*update*) defendan tentang perkara notis kebankrapan tersebut tetapi gagal berbuat sehingga surat bertarikh 2 Mac 2007 (D9) diterima oleh defendan, iaitu lebih kurang dan hampir tujuh Tahun selepas Mahkamah Tinggi Melaka telah mengenepikan penghakiman terhadap plaintif pada 13 Mac 2000. Seterusnya, notis kebankrapan tersebut juga harus jatuh (*falls*) dan diketepikan

(c) ketiga, tindakan plaintif terhadap AmBank Bhd dan peguam yang mewakili AmBank Bhd dalam guaman sivil pertama di mana penghakiman terhadap kedua-dua defendan tersebut telah diperolehi oleh defendan dan diberikan award ganti rugi kerana kedua-dua defendan tersebut (AmBank Bhd dan peguamcaranya) didapati cuai di mana plaintif mengalami ganti rugi;

(d) keempat, plaintif diestopkan dari menuntut ganti rugi dan meneruskan tindakan yang lain seperti guaman sivil kedua terhadap defendan di atas latar belakang kes ini dan relief-relief yang dituntut adalah hampir sama seperti guaman sivil pertama melainkan plaintif cuba memplidkan (*chought*) seolah-olah sebahagian relief-relief lain melalui tuntutan deklarasi, di mana kesemua relief-relief tersebut dan defendan sebagai salah satu pihak dengan kemudahan dapat dan boleh dimasukkan dalamguaman sivil pertama (rujuk kes *Conquer v Boot* [1928] 2 KB 330); dan

(e) kelima, tidak terdapat sebarang pencerobohan privasi atau hak-hak privasi plaintif yang dilakukan oleh defendan (*there is no invasion or infringement of privacy or privacy rights of the plaintiff committed by the defendant*).

(31) Oleh yang demikian dan di atas keseluruhan keterangan terhadap isu sama ada defendan telah menerima surat-surat tersebut (P4 dan P7), mahkamah ini menerima keterangan defendan ('DW1') bahawa defendan tidak terima surat-surat tersebut (P4 dan P7). Mahkamah ini juga menerima keterangan bahawa defendan hanya dimaklumkan bahawa notis kebankrapan terhadap plaintif telah ditarik balik apabila defendan menerima surat bertarikh 2 Mac 2007 (D9) daripada AmBank Bhd. Seterusnya defendan telah dan seperti diminta oleh AmBank Bhd

mengemaskini rekod pangkalan data defendan terhadap butir-butir notis kebankrapan terhadap plaintif. Untuk melengkapkan perkara ini, adalah wajar untuk mencatat surat-surat berkenaan.

Surat bertarikh 27 Mac 2007 daripada defendan kepada AmBank Bhd (D38):

CTOS Sdn Bhd (209649 U)

URL: www.ctos.com.my

UNIT A-8-6, 8TH FLOOR,
MEGAN AVENUE 1,
NO. 189, JALAN TUN RAZAK,
50400 KUALA LUMPUR.
TEL: 03-2770883 FAX: 03-27708834

27 February 2007

En Noor Ezam Bin Haji Mohd Pii

Am Bank (M) Bhd

Head- Collection Liason Office

Region 3, Melaka

1st Floor, No 154 & 156

Komplex Munshi Abdullah

75100 Melaka

By Fax: 06-2863362 & AR Post- RD75 056-960 7MY

Dear Sir,

RE: Mohamad Zaid Bin lohan NRIC 6086893/ 610213-05-5063

Our lawyer, M/s Haris & Co, recently forwarded us a letter dated 7th Sept 2005 purportedly issued by your office (See enclosure)

We have no record of any having received any such letter from your office.

We seek your kind response to the following:

(a) A confirmation that indeed such a letter and its contents was issued by your good office

(b) In your letter of 7th Sept 2005, you stated that a 'mistake' made in the suit Could you please provide us the details and explanation of the 'mistake' you were referring to in your letter.

We await your prompt response.

Yours faithfully

Sgd

Chung Tze Keong Chief

Executive Officer

CTOS

Surat bertarikh 2 Mac 2007 daripada AmBank Bhd kepada defendan (D9):

Date: March 2,2007

Our ref: 52-1561-98 SESYEN COURT MELAKA

D3-29-5278-2003 HIGH COURT MELAKA

(2-0401-711383-6)

AmBank

Collection Liason Office

(Region 3- Melaka)

No 154 & 156, 1st Floor Kompleks

Munshi Abdullah Jalan Munshi Abdullah

75100 Melaka

Tel (606)282 3360 (606) 284 9227

Fax (606) 286 3362

CTOS Sdn Bhd

Unit A-8-6, Phileo Promenade

No. 189, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

Dear Madam/Sir,

RE: BANKRUPTCY WITHDRAWN

SUMMON NO: 52-1516-98

COURT: SESSION COURT KUALA LUMPUR

BANKRUPTCY NO: D3-29-5278-2003

COURT: HIGH COURT KUALA LUMPUR

BORROWER: MOHAMAD ZAID BIN JOHAN

NRIC NO: 610213-05-5063/6086893

We refer to your letter dated 27th February.

We enclose our letters to you dated 6th & 7th September, 2005 for your reference and further action.

As such please update the record in the CTOS accordingly.

Your earlier attention to the above is much appreciated.

A Yours faithfully

For AmBank (M) Berhad

Sgd

K. Nagasuresh

B Executive

sgd

(Noor Ezam bin Hj Mohd Pii]

Head, Collection Liaison Office Melaka

C

(32)Walaupun dan andai kata, defendan adalah tidak cekap (*not vigilant*) dan kurang tanggungjawab (*inefficient*) untuk gagal bertanya kepada AmBank Bhd mengenai kedudukan terhadap notis kebankrapan tersebut atau sebarang rayuan, itu bukan semestinya boleh dikatakan D defendan cuai atau *reckless* dalam menjalankan perniagaan kerana dikatakan gagal bertanya AmBank Bhd tentang sebarang rayuan terhadap penghakiman yang diberikan terhadap defendan oleh Mahkamah Sesyen, Melaka. Seterusnya, plaintif sendiri sedar dan cukup dimaklumkan bahawa pihak yang bertanggungjawab dari akar umbi (*the* E *root cause*) terhadap sebarang kesulitan yang dikatakan dialami oleh plaintif adalah AmBank Bhd dan peguamcaranya dan ini didapati daripada guaman sivil pertama. Seterusnya, plaintif telah memfailkan tindakan guaman sivil pertama terhadap kedua-dua defendan tersebut dan telah pun memperolehi penghakiman dan diawardkan ganti rugi, F iaitu tuntutan ganti rugi yang sama seperti dituntut oleh plaintif dalam tindakan guaman sivil kedua ini dan butir-butir didapati daripada kedua-dua guaman sivil.

(33)Isu-isu untuk dibicarakan:

G (i) *isu pertama*, sebab-sebab plaintif tidak diberi pinjaman oleh bank-bank tersebut adalah kerana plaintif yang sendiri yang mempunyai maklumat yang benar tidak memaklumkan kepada bank-bank dan tidak membuat rayuan apabila bank-bank tersebut tidak meluluskan pada pertama kalinya permohonan plaintif H untuk pinjaman. Keterangan-keterangan yang dikemukakan dalam perbicaraan ini menunjukkan bahawa plaintif langsung tidak memaklumkan kepada bank-bank tersebut bahawa penghakiman terhadap plaintif yang diberikan oleh Mahkamah Sesyen Melaka telah pun diketepikan oleh Mahkamah Tinggi I Melaka pada 13 Mac 2000. Menurutnya plaintif juga tidak memaklumkan kepada bank-bank tersebut bahawa notis kebankrapan seperti yang diiklankan berdasarkan kepada penghakiman tersebut tidak dapat dikekalkan dan diberhentikan dan adalah difailkan dan diiklan secara cuai dan salah;

(ii) bagi *isu kedua*, bank-bank yang plaintif telah memohon pinjaman (pembiayaan peribadi) dan tarikh-tarikh permohonan pinjaman tersebut adalah seperti berikut:

(a) *Bank Rakyat*

Permohonan kepada Cawangan Melawati pada Disember 2005 untuk pembiayaan peribadi (rujuk kepada keterangan SP1 dan surat bertarikh 19 Disember 2005 (P1))

(b) *Bank Islam*

Permohonan pembiayaan peribadi pada Tahun 2006 (rujuk keterangan SP2 dan SP3 dan surat bertarikh 18 Januari 2006 (P2))

(c) *Maybank*

Permohonan untuk membuka akaun pada Oktober 2005 (rujuk kepada keterangan SP5 dan kenyataan saksi (P12))

Nota:

Plaintif atau saksi-saksi plaintif dari bank-bank tersebut tidak mengemukakan salinan permohonan-permohonan plaintif atau memberi tahu tarikh-tarikh yang dicatat dalam permohonan-permohonan tersebut.

(iii) bagi *isu ketiga*, menurut jawapan dan sebab-sebab kepada isu pertama, defendan tidak cuai, tidak berada di dalam lingkungan atau skop tugas untuk berhati-hati (*duty of care*) dan tidak bertanggungjawab di atas kegagalan plaintif diberikan pinjaman oleh bank-bank tersebut untuk sebarang kemudahan kewangan atau pinjaman (rujuk kes *Hedley Byrne & Co Ltd v Heller & Partners Ltd* [1963] 2 All ER 575, *Kapfunde v Abbey National Plc and Daniel* [1999] ICR 1, *Wong Lai Yoke & Ors v Mayban Investment Management Sdn Bhd & Ors (alasan penghakiman yang tidak dilaporkan di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur (Bahagian Dagang)* Guaman No D8–22–1426 Tahun 2004), *Stubbs Ltd v Russell* [1913] HL 386, *Hj Salleh Hj Janan v Financial Information Services Sdn Bhd; Affin-ACF Finance Sdn Bhd (Third Party)* [2005] 1 CLJ 241, *Caparo Industries plc v Dickman and others* [1990] 1 All ER 568).

Surat bertarikh 17 Mac 2007 daripada defendan kepada AmBank Bhd (D41):

CTOS Sdn Bhd (209649 U)

URL: www.ctos.com.my

UNIT A-8-6,8TH FLOOR, MEGAN AVENUE 1, NO. 189, JALAN TUN RAZAK, 50400 KUALA LUMPUR. TEL: 03-2770883 FAX: 03-27708834

17th March 2007

A

En Noor Ezam Bin Haji Mohd Pii

Am Bank (M) Bhd

Head- Collection Liason Office

Region 3, Melaka

B

1st Floor, No 154 & 156

Komplex Munshi Abdullah

75100 Melaka

C

AR Post: RD73 653 039 2MY

Dear sir,

Re: Mohamad Zaid bin Johan

Your fax of March 2, 2007 and letters dated 6.9.2005 and 7.9.2005 refers.

D

After checking I find that we have no records of having received the letters dated 6 and 7 September 2005 purportedly sent to us.

In any case, neither of your letters explained to any satisfactory degree what that 'mistake' was. As you are aware, remove records are not removed unless there is a mistake as to the commencement of the suit or there is fraud.

E

Your letter dated 6.9.2005 stated that your counsel had inadvertently caused the advertisement to be published but that does not explain if there is a mistake as to the commencement of the suit You ought to tell us the precise nature of the mistake; for example, you sued the wrong person or that the debt was already fully settled when the action was initiated, etc.

F

Im further perplexed with the recent telephone conversation i had with you where you first indicated to me that the subject should not have been sued because he was 'no longer in the company'. But when i asked if he was a guarantor you said he was. Guarantees to banks are 'continuing guarantee'; the guarantor is liable until the bank discharges him. Thus, it really would not matter, if the guarantor was with the company or not.

G

H

As such, we are unable to delete the record as such but we have now updated the record to reflect that bankruptcy notice has been withdrawn. If you like us to input another remark to indicate that he is a guarantor and exactly when the bankruptcy notice was withdrawn, please forward us the relevant documents confirming the same.

I

Thank you.

Yours faithfully,

Sgd.

Chung Tze Keong

Cc Haris & Co.

Surat bertarikh 4 April 2007 daripada AmBank Bhd kepada defendan (P6):

Our ref: 02-0401-711383-6

4.4.2007

CTOS Sdn Bhd

Unit A-8-6, Phileo Promenade

No 189, Jalan Tun Razak

50400 Kuala Lumpur

AmBank

Collection Liason Office

No 154 & 156, 1st Floor

Kompleks Munshi Abdullah

Jalan Munshi Abdullah

75100 Melaka

Attn: Mr Chung Tze Keong

MOHAMAD ZAID BIN JOHAN

NRIC NO: 610213-05-5063/6086893

We refer to the above matter and your letter dated 17.03.2007.

We wish to advise that our counsel had wrongfully filed the Bankruptcy Notice dated 10.9.2003 against the abovenamed Customer as the Customer had successfully set aside the judgement dated 15.9.1999 entered against him on appeal to the High Court on 13.3.2000. A Notice of Discontinue was filed on 26.8.2005 and attached herewith for your attention.

We would be much obliged if you could remove the abovenamed from your record as it was not supposed to be entered in the inthe first place. Your kind assistance on the above matter is much appreciated.

Therefore, we hereby released ourselves from any liabilities and will not responsible for any claim for damages by the abovenamed in the future.

Yours faithfully,

AmBank (M) Berhad

Sgd

Aezadin bin Mohammad

Executive

sgd

(Noor Ezam bin Hj Mohd Pii)

Head, Collection Liaison Office

Melaka

Cc:

(1) Tetuan Mohamad Hanipa & Associates No. 35A Jalan SG10/4 Taman Seri Gombak 68100 Batu Caves, Selangor (fax-03-61899548)

(2) MOHAMAD ZAID BIN JOHAN No. 25, Jalan Enggang Timor 6 Taman Keramat, 54200 Kuala Lumpur.

(iv) *isu keempat*, defendan sebagai syarikat pembekal perkhidmatan (*service provider*) kepada bank-bank yang tertentu dan pelanggan (*subscriber*) telah membiarkan maklumat terhadap notis kebankrapan tersebut yang diiklankan di surat khabar dan dimasukkan dalam pangkalan data (*database*) yang boleh di 'retrieve' oleh pelanggan-pelanggan defendan. Maklumat-maklumat tersebut bukan terhadap peribadi plaintif secara am atau hal-hal peribadi plaintif (*there is no invasion of privacy or privacy rights of the plaintiff and no encroachment of privacy*). Oleh itu, maklumat yang didapati oleh pelanggan pelanggan dari pangkalan data defendan adalah hanya terhadap notis kebankrapan tersebut di mana defendan mendapati maklumat tersebut daripada pengiklanan di surat khabar *Berita Harian* dan maklumat yang diberikan oleh AmBank Bhd. Maklumat yang didapati dari kedua-dua sumber tersebut tidak dinafikan oleh plaintif; dan

(v) bagi *isu kelima*, oleh kerana jawapan kepada isu (1) hingga (4) bukanlah memihak kepada plaintif, mahkamah ini mendapati plaintif tidak mengalami kerugian dan juga di atas alasan-alasan yang terkandung di dalam alasan-alasan penghakiman.

(34)Kes-kes yang dirujuk oleh peguam plaintif untuk menyokong hujahan-hujahannya tidak dipakai dan tidak membantu kes plaintif di atas fakta-fakta, latar belakang kes dan keadaan sekeliling kes di hadapan mahkamah ini. Kes-kes tersebut boleh dibezakan apabila dibandingkan dengan fakta-fakta, latar belakang kes dan keadaan sekeliling kes di hadapan mahkamah ini kecuali prinsip undang-undang Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan berikat mahkamah ini dan keputusan Mahkamah Tinggi diberi penghormatan. Seterusnya kes-kes di bidang kuasa negara-negara lain boleh dibezakan apabila

dibandingkan di atas fakta dan keadaan sekeliling kes di hadapan mahkamah ini dan kes-kes tersebut tidak dipakai dan dihadkan kepada fakta dan keadaan kes individu dan bidangkuasa, khususnya di negara-negara yang tertentu (rujuk kes *People's Union For Civil Liberties (PVCL) v Union of India and Another* AIR 1997 SC 568). Kes *Maslinda bt Ishak v Mohd Tahir bin Osman & Ors* [2009] 6 MLJ 826; [2009] 6 CLJ 653 dan *Lee Ewe Poh v Dr Lim Teik Man & Ors* [2011] 1 MLJ 835 adalah kes yang melibatkan maruah seorang wanita, lebih-lebih lagi kes *Lee Ewe Poh v Dr Lim Teik Man & Ors* melibatkan perhubungan di antara seorang doktor dan pesakit. Oleh itu, kedua-dua kes yang diharapkan oleh peguam plaintif boleh dibezakan di atas fakta dan keadaan kes-kes tersebut (rujuk juga kes *R v Department of Health, ex parte Source Informatics Ltd* (1999) EWHC 315).

(35)Di atas alasan-alasan tersebut, plaintif tidak berhak menuntut sebarang ganti rugi daripada defendan dan tidak dibenarkan. Sepatutnya tindakan ini harus dibatalkan pada permulaannya (*at the outset*) sekiranya keterangan-keterangan bahawa plaintif telah pun menuntut dan mendapat penghakiman dan diberikan ganti rugi bagi perkara-perkara yang sama daripada AmBank Bhd dan peguamcaranya dalam tindakan guaman sivil pertama di Mahkamah Tinggi dapat dikemukakan lebih awal kepada mahkamah ini. di atas alasan bahawa tuntutan plaintif adalah res judicata dan di estop dan/atau menyalahguna proses mahkamah, tuntutan plaintif harus dibatalkan pada permulaan perbicaraan ini (*at the outset*). Mahkamah ini ingin menegaskan di sini bahawa sekiranya plaintif ingin mendapatkan deklarasi-deklarasi seperti dalam kes ini dan ganti rugi, plaintif patut dan harus memasukkan defendan sebagai salah satu pihak di guaman sivil pertama dan masukkan semua relief-relief ini dalam tindakan guaman sivil pertama tersebut (rujuk kes *North West Water Ltd v Binnie & Partners a (firm)* [1990] 3 All ER 547, *Wong Peng Yen Benjamin v Genting Bhd & Anor* [1993] 3 MLJ 713 di ms 724; [1994] 1 CLJ 351 di ms 358, *Goh Joon v Kerajaan Negeri Johor & Ors* [1998] 7 MLJ 621 di ms 652–653; [1999] 5 CLJ 335 di ms 373–374). Plaintif tidak boleh membahagikan tuntutan plaintif mengikut sesuka hati beliau dan minta dibicarakan secara ansuran kerana:

(a) pertama, mahkamah tidak menggalakkan dan terima pihak-pihak untuk mengadakan dua bicara secara berasingan di mana perkara dan tuntutan ganti rugi adalah sama atau hampir sama;

(b) kedua, plaintif tidak boleh mengguna masa kehakiman (*judicial time*) dari dua mahkamah berlainan yang mengadakan bicara bagi kemudahan plaintif; dan

(c) ketiga, plaintif tidak boleh memecah atau membahagikan tuntutan atau relief-relief plaintif dalam perkara yang sama dan

ganti rugi yang sama meminta bicara secara ansuran seperti yang telah dilakukan dalam kes ini. Sebenarnya, mahkamah ini mengucapkan terima kasih kepada peguamcara defendan yang telah membawa perhatian mahkamah ini terhadap tingkah laku plaintif dan penyalahgunaan proses mahkamah apabila didapati plaintif telah memfailkan tindakan ini sebagai tindakan guaman sivil kedua di mana tuntutan-tuntutan relief-relief ini patut, harus dan boleh dimasukkan dalam tindakan guaman sivil pertama. Mahkamah ini berpendapat bahawa tindakan plaintif yang membawa guaman sivil kedua adalah penyalahgunaan proses mahkamah dan harus ditolak atau dibatalkan.

(36)*Relief-relief plaintif:*

(a) Bagi *prayer (a)* tuntutan plaintif, mahkamah ini berpendapat tidak ada halangan dari segi undang-undang untuk defendan menyimpan data maklumat plaintif terhadap butir-butir notis kebankrapan tersebut yang telah pun diiklankan di surat khabar *Berita Harian* bertarikh 9 Ogos 2004 dan dimaklumkan oleh AmBank Bhd melalui surat bertarikh 10 Disember 2003 (D8a–b). Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa aduan atau tuntutan plaintif bukan terhadap sebarang butir-butir peribadi plaintif yang disimpan oleh defendan tanpa kebenaran plaintif. Pengiklanan terhadap notis kebankrapan tersebut adalah dalam pengetahuan orang awam (*within public knowledge or domain*) dan sesiapa sahaja boleh membaca dan berhak untuk membaca apa-apa berita yang dikeluarkan atau pun diiklankan di surat khabar yang mempunyai lesen untuk menerbitkan surat khabar tersebut. Oleh itu, mahkamah ini tidak membenarkan deklarasi yang dituntut oleh plaintif seperti *prayer* (a).

(b) Bagi *prayer (aa)* tuntutan plaintif, mahkamah ini berpendapat relief tersebut adalah tidak berasas sama sekali dan *misplaced*. Keterangan yang dikemukakan oleh plaintif tidak menunjukkan bahawa defendan telah berkongsi maklumat terhadap notis kebankrapan tersebut yang didapati daripada pengiklanan di surat khabar. Defendan tidak berkongsi atau memberikan maklumat urusan peribadi plaintif kepada pihak lain. Defendan adalah satu pembekal perkhidmatan (*service provider*) bagi maklumat-maklumat yang diperolehi oleh defendan daripada di antara lain, surat khabar yang diterima yang di *retrieve* oleh bank-bank iaitu pelanggan-pelanggan adalah *subscriber* dan membuat bayaran kepada defendan. Seterusnya, hanya pelanggan-pelanggan defendan sahaja yang mendapat kebenaran untuk *retrieve* maklumat-maklumat yang disimpan dalam *database* defendan di mana maklumat-maklumat tersebut didapati,

khususnya daripada surat khabar. Dalam kes ini maklumat-maklumat yang dimasukkan dalam pangkalan data adalah butir-butir notis kebankrapan tersebut yang diiklankan di surat khabar tersebut defendan tidak pada bila-bila masa menyimpan data berkenaan urusan plaintif terhadap peribadi dan/atau memberikan dan/atau berkongsi maklumat berkenaan urusan plaintif atau peribadi plaintif kepada pihak-pihak lain. Seterusnya tindakan defendan seperti yang diadukan oleh plaintif bukanlah satu tindakan yang tidak sah dari sisi undang-undang. Seterusnya, deklarasi seperti prayer (aa) tidak berasas dan ditolak.

(c) Menurut keputusan mahkamah bagi *prayer (a)* dan *prayer (aa)*, *prayer (b)* tidak dapat dikekalkan dan tidak dibenarkan.

(37)*This court finds that the particulars of the bankruptcy notice which was sent to the defendant by the letter dated 10 December 2003 (D8a–b) by AmBank Bhd and published in the 'Berita Harian' on 9 August 2004 (D10) was not intrusive and private information or which can safely be said was obtained by unlawful excess of the plaintiff's private life or movement or breach of the Private Agencies Act 1971 as it was within the public domain. This court cannot and would not permit a 'strained and sinister' interpretation to the Private Agencies Act 1971 which would result or is essentially unjust.*

(38)*On the facts and surrounding circumstances, in the present case, this court wishes to reiterate and appliying the purposive interpretation, the Private Agencies Act 1971 does not apply to the facts, the nature of the defendant's business and the surrounding circumstances, (see DYTM Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah v Dikim Holdings Sdn Bhd & Anor* [2002] 2 MLJ 11; [2002] 2 CLJ 57, *Chor Phaik Har v Farlim Properties Sdn Bhd* [1994] 3 MLJ 345; [1994] 4 CLJ 285*, Samsudin Ismail & 0rs v Yeoh Oon Theam (as the administrator of the estate of Lim Mah Ee @ Baba Mahee, deceased) & Ors & another application* [2003] 6 MLJ 596; [2003] 1 LNS 368, *Arumugam Periasamy v Public Prosecutor* [2005] 3 CLJ 685*, H Rubber Estates Sdn Bhd v Director- General of Inland Revenue* [1979] 1 MLJ 115; (1986) MTC 36, *Kuala Lumpur, Klang & Port Swettenham Omnibus Co Bhd v Transport Workers' Union* [1971] 1 MLJ 102*). The plaintiff's act of holding the particulars of the bankruptcy notice in the data base as supplied by the AmBank Bhd did not constitute an actionable invasion of privacy as contended by learned counsel for the plaintiff.*

(39)*The plaintiff's assertion that there was a tort of invasion of privacy is misplaced and ought to be rejected. There is no evidence to support that the nature of the information which was communicated by AmBank Bhd to the defendant was an information obtained by an action of trespass or was regarded as confidential or private to the plaintiff, so as to constitute an actionable invasion of privacy. The information on the bankruptcy notice was*

given to the defendant by AmBank Bhd and was not tortiously obtained or was tortious in any way in law (see Uniphone Sdn Bhd v Chin Boon Lit & Anor [1998] 6 MLJ 441*, Kho Poh Teck v Digi Telecomunications Sdn Bhd* [2006] 6 MLJ 349; [2006] 2 CLJ 957, *Ngoi Thiam Woh v CTOS Sdn Bhd & Ors* [2001] 4 MLJ 510; [2001] 4 CLJ 765*, Soh Chun Seng v CTOS-EMR Sdn Bhd* [2003] 4 MLJ 180; [2004] 5 CLJ 46, *Dr Bernadine Malini Martin v MPH Magazine Sdn Bhd & Ors and another appeal* [2010] 5 MLJ 755; [2010] 7 CLJ 525*, Wainwright and another v Home Office* [2003] 4 All ER 969, *Malone v Metropolitan Police Commissioner* [1979] 1 CH 344, *Kaye v Robertson & Another* [1991] FSR 62*, Campbell v MGN Ltd* [2004] 2 All ER 995, *R Rajagopal v State of Tamil Nadu AIR* 1995 SC 264, *Attorney General v Guardian Newspapers Ltd and others (No 2)* [1988] 3 All ER 543*, Sipple v Chronicle Publishing Co* (1984) 154 Cal App 3d 1040*, CTB v News Group Newspapers Limited & Imogen Thomas* (2011) EWHC1232 (QB). *The business conducted by the defendant is not inconsistent or in conflict or in breach with any law in force at the material time. As it constituted public knowledge and was within the public domain that the bankruptcy notice was issued against the plaintiff, it did not import a duty of confidence by reason of the fact that it was no longer regarded as confidential information. Therefore, it did not constitute an actionable invasion of privacy or privacy rights, (see Coco v AN Clark (Engineers) Ltd* [1968] FSR 415; *Mr X v Hospital Z* (1998) 8 SCC 196 *Supreme Court of India, Hj Salleh Hj Janan v Financial Information Services Sdn Bhd; Affin-ACF Finance Bhd (Third Party)* [2005] 1 CLJ 241*).*

(40)*This court is satisfied that it is not a case of calculated interference with the plaintiff's privacy or to injure the plaintiff or his reputation or any act of bad faith which can be imposed against the defendant On the facts and surrounding circumstances in the present case, there is no infringement of the plaintiff's right to privacy. In any event and even if there was any privacy as contended on the plaintiff's behalf, the publication or advertisement of the bankruptcy notice in the Berita Harian had outweighed the plaintiff's privacy because the information was already within the public domain and there was no tortious act committed by the defendant In addition, the plaintiff has been awarded damages in the first civil suit against the AmBank Bhd and their solicitors for having advertised the bankruptcy notice on 9 August 2004.*

(41)*The object of the court has always been to find out the truth and to arrive at a just decision. In the circumstances, and in accordance with the rules of reasons and justice, the plaintiff's claim against the defendant ought to be dismissed with costs.*

(42)Di atas alasan-alasan tersebut dan setelah meneliti keseluruhan keterangan, latar belakang kes ini, fakta-fakta kes dan keadaan sekeliling tuntutan plaintif termasuk guaman sivil pertama dan hujah-hujah oleh

kedua-dua pihak, mahkamah ini mendapati bahawa plaintif gagal di atas imbangan kebarangkalian untuk membuktikan tuntutan plaintif terhadap defendan. Menurutnya dan di atas sebab-sebab dan keperluan keadilan, tuntutan plaintif ditolak dengan kos (ID14 diketepikan (*expunged*) dari rekod mahkamah).

Permohonan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Mashrifah Ravendran